

Jilid III
Bil. 56



Hari Isnin
4hb Disember, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9797]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

Jawatankuasa-

Jadual:

Maksud B. 27 [Ruangan 9837]

Maksud B. 28 hingga B. 32 [Ruangan 9860]

Maksud B. 33 [Ruangan 9890]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1990

Jawatankuasa-

Maksud P. 27 [Ruangan 9837]

Maksud P. 28, P. 31 dan P. 55 [Ruangan 9860]

Maksud P. 33 [Ruangan 9890]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I. D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAİK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSI AH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).

- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Yang Berhormat DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).

- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

Yang Berhormat DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 4hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANJAMBATAN RAKIT—
PEMBINAAN SEMULA

1. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Kerjaraya menyatakan tarikh pembinaan semula jambatan rakit, Kota Marudu dan pembaikan Jalan Kota Marudu-Kudat dan Kota Marudu-Tandek. Berapakah peruntukan yang diperlukan bagi ketiga-tiga projek tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tender bagi projek pembinaan semula jambatan rakit di Kota Marudu telah pun dipanggil dan ditutup pada 13hb November baru-baru ini. Projek ini dijangka akan dimulakan dalam bulan Februari 1990.

Berkenaan dengan pembaikan jalanraya Kota Marudu-Kudat, pihak Kerajaan sedang menimbang cadangan-cadangan yang disediakan oleh pihak JKR Sabah sebelum projek tersebut diluluskan dan jumlah kos yang dianggarkan adalah lebih kurang \$68 juta. Pembaikan jalan Kota Marudu-Tandek adalah sebahagian projek jalanraya Langkon/Tandek di mana kosnya ialah \$20 juta termasuk kos pembinaan semula jambatan-jambatan rakit dan Bandau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan untuk tahun 1989 dan 1990 yang disediakan bagi projek pembinaan semula jambatan rakit dan Bandau ialah \$5 juta dan tambahan \$15 juta adalah diperlukan untuk kerja membina jalan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

KAD PENGENALAN BENTUK
BARU

2. Tuan Taiman bin Lumaing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah perkembangan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk memperkenalkan Kad Pengenalan bentuk baru untuk semua warganegara Malaysia; dan apakah jaminan bahawa ini akan dapat membanteras sindiket kad pengenalan palsu yang kedengarannya semakin kreatif dan sofistikated.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang giat membuat persiapan untuk mengeluarkan Kad Pengenalan bentuk baru yang dijangka keluaran pertamanya dapat dihasilkan dalam bulan Jun, 1990.

Kad baru nanti dibuat dengan menggunakan teknologi serta kaedah yang moden dan ianya mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan sukar dipalsukan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk memperkenalkan Kad Pengenalan bentuk baru dan nama syarikat yang diberikan

kontrak untuk membuat Kad Pengenalan baru ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan awal ialah bernilai lebih kurang \$6 juta dan syarikat yang mengendalikan pengeluaran Kad Pengenalan baru ini adalah terbahagi kepada tiga:

- (i) yang membekalkan kaedah kad itu sendiri iaitu sebuah syarikat Britain;
- (ii) yang membekalkan Hardware Computer, iaitu sebuah syarikat Eropah; dan
- (iii) yang bersangkutan-paut dengan software untuk membekalkan kepada Hardware Computer itu adalah merupakan syarikat tempatan.

PEKERJA INDONESIA TANPA IZIN DI LADANG SWASTA

3. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) setakat manakah ladang-ladang swasta menggunakan pekerja-pekerja haram dari negara jiran dan setakat mana pula ini menjejaskan mata pencarian penduduk-penduduk Malaysia; dan
- (b) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil ke atas pengusaha-pengusaha ladang yang membenarkan pekerja-pekerja asing yang tidak mempunyai kebenaran "work permit" untuk bekerja di Malaysia.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, di bawah tindakan pendaftaran dan pengesahan bagi pekerja-pekerja Indonesia tanpa izin yang diumumkan oleh Kerajaan pada awal tahun ini dan berkuatkuasa dari 4hb Januari sehingga 3hb Julai tahun ini, seramai lebih kurang 25,853 pekerja-pekerja Indonesia tanpa izin yang bekerja dengan majikan-majikan di ladang-ladang

swasta telah dapat dikenalpasti dan didaftarkan. Pekerja-pekerja ini biasanya mengisikan kekosongan yang telah lama wujud dan kurang diminati oleh pekerja-pekerja tempatan. Oleh kerana itu penggajian pekerja-pekerja asing ini tidak mungkin menjejaskan mata pencarian penduduk-penduduk Malaysia.

Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas majikan yang menggajikan pekerja-pekerja asing tanpa izin. Selain daripada tindakan yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen untuk mengesan, menangkap dan mengusir pekerja-pekerja asing tanpa izin, Kementerian Buruh juga mengambil tindakan mengawal penggajian secara haram pekerja-pekerja asing ini melalui penguatkuasaan Akta (Sekatan) Kerja 1968.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pekerja-pekerja tanpa kebenaran dalam negara kita ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar selain daripada pekerja-pekerja di ladang-ladang, bahawa ada juga pekerja-pekerja di kedai-kedai dalam bandar-bandar besar dan bandar-bandar kecil? Adakah bagi pihak Kerajaan dapat mengesan juga pekerja-pekerja daripada luar yang bekerja di kedai-kedai besar, misalnya?

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang kepada pekerja-pekerja luar daripada negara-negara jiran kalau mereka boleh bekerja dengan betul yang boleh memberi manfaat kepada negara kita, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kepada mereka itu kebenaran tinggal di negara kita, buat sementara mereka bekerja di ladang-ladang dan di lain-lain tempat juga. Sambungan itu, adakah Kerajaan bercadang orang-orang pelarian Vietnam yang berada di Pulau Bidong di Terengganu, membolehkan mereka yang ada mempunyai kebolehan dan kepandaian diberi kebenaran untuk tinggal dalam negara ini dan bekerja untuk mempermanfaat kepada negara kita seperti pekerjaan yang tidak diingini oleh rakyat kita maka mereka itu boleh bekerja atau diberi peluang kepada mereka untuk bekerja.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kami memang sedar bahawa ada pekerja-pekerja atau orang-orang dari negara-negara jiran, khususnya dari Indonesia, yang ada di dalam tanahair dan menyertai dalam berbagai bidang termasuk kedai-kedai. Tetapi sejauh ini Kerajaan hanya memutuskan untuk membenarkan, melalui satu proses pendaftaran, pekerja-pekerja yang digajikan secara langsung di estet-estet untuk diberi penyelenggaraan. Kumpulan yang lain dalam pendapat saya adalah kurang datang ke sini tanpa izin dan menjadi tumpuan Pejabat Imigresen untuk mengusir keluar atau diambil tindakan yang lain.

Mengenai pelarian Vietnam, sejauh ini tidak ada cadangan untuk membenarkan mereka duduk di sini untuk bekerja.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu berkenaan dengan pekerja-pekerja yang telah diberikan kebenaran untuk bekerja baik pun di ladang atau pun di dalam sektor yang lain, apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan untuk memastikan bahawa pekerja yang asing ini akan mematuhi segala undang-undang dan tidak akan menjejaskan keselamatan memandangkan bahawa baru-baru ini ada beberapa kes yang telah berlaku di mana buruh asing ini telah ada ditangkap oleh polis yang terlibat dengan berbagai-bagai aktiviti yang menjejaskan keselamatan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sejauh ini lebih 25,000 pekerja itu yang saya telah sebutkan tadi telah didaftarkan, belum lagi diberi pas-pas dan dokumen-dokumen yang tertentu dan ini sedang diselenggarakan oleh Jabatan Imigresen. Tetapi memang satu daripada syarat mereka didaftar dan diberikan dokumen-dokumen perjalanan dan sebagainya adalah bahawa mereka harus mematuhi segala undang-undang dan saya rasa adalah tanggungjawab pihak Imigresen untuk mengawasi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Douglas Uggah Embas.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedaan ke atas soalan No. 4 (b) iaitu tahun 1990, bukan tahun 1989. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat.

FELCRA-KELUASAN TANAH DIBANGUNKAN DI SARAWAK

4. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) keluasan tanah yang dibangun oleh FELCRA di negeri Sarawak; dan
- (b) apakah rancangan FELCRA untuk negeri Sarawak dalam tahun 1990.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua—

- (a) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui agensinya FELCRA telah memaju dan membangunkan kawasan seluas 4,862 hektar di negeri Sarawak sehingga kini.
- (b) Bagi tahun 1989 dan 1990, FELCRA telah merancang untuk membangunkan kawasan seluas 2,807 hektar lagi bagi tanah-tanah terbiar di negeri itu.

Projek-projek yang telah dirancang dan sedang dalam proses pelaksanaan ialah di Kawasan Keselamatan RASCOM, Kabong, Sri Aman, Serian, Padawan, Sarikei, Kuching, Kapit, Samarahan, Marudu, Lundu, Kanowit, Bekeun dan Mukah.

Dr Nicholas Munong anak Ibau: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan ini, saya ingin minta Setiausaha Parlimen memberi keterangan sejak bilakah FELCRA melibatkan diri di dalam pembangunan tanah di Sarawak?

Yang kedua, dari projek-projek yang telah dijalankan, bolehkah Setiausaha

Parlimen memberi nama projek yang telah mendapat keuntungan pada hari ini?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, FELCRA mula mengusahakan tanah-tanah di Sarawak pada tahun 1986 disebabkan tahun 1986 sehingga ini baru tiga tahun dan tanaman yang ditanam ialah getah dan koko maka ia belum lagi mengeluarkan hasil.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

5. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah hutang negara kita yang masih belum dijelaskan. Dari negara manakah Malaysia paling banyak berhutang dan adakah Kerajaan menjelaskan hutang-hutang itu mengikut jadual. Berapakah pula kerugian yang kita alami akibat kejatuhan matawang kita jika dibandingkan dengan nilai Yen atau Dolar Amerika Syarikat?

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang luar Kerajaan Persekutuan yang masih belum dijelaskan pada masa kini adalah sebanyak \$23.6 billion. Dari jumlah ini, nilai hutang kepada Amerika Syarikat ialah sebanyak \$8.2 billion bersamaan dengan 34.6% daripada jumlah hutang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, nilai semua matawang berubah dari masa ke semasa. Nilai ringgit kita telah pun meningkat berbanding dengan matawang asing sejak awal tahun ini. Dengan bertambah kukuh nilai ringgit berbanding dengan matawang Yen dan Dolar Amerika Syarikat, jumlah hutang luar dalam matawang kita telah menjadi lebih rendah. Nilai keseluruhan hutang pada masa kini adalah 5.5% lebih rendah jika di banding dengan awal tahun 1988. Jumlah hutang Yen juga telah berkurangan sebanyak 12.6% pada tempoh yang sama. Memandangkan bahawa nilai ringgit terus menjadi kukuh, jumlah hutang negara kita akan terus berkurangan.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar-dasar utama bagi Kementerian Kewangan untuk meminjam wang daripada luar dan dalam negara. Adakah pihak Kementerian Kewangan hanya meminjam wang itu bagi melaksanakan projek-projek yang mempunyai hasilnya tersendiri di mana hasil tersebut boleh membayar hutang itu bagi tujuan yang tertentu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar-dasar utama Kementerian Kewangan untuk meminjam pinjaman atau mendapat pinjaman daripada negara-negara lain, saya di sini bagi pihak Kementerian Kewangan memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan termasuk Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri tidak membuat pinjaman untuk menjalankan projek-projek yang tidak berhasil kepada negara dan rakyat. Hanya setelah menjalankan kajian keseluruhan supaya pinjaman yang kita dapati daripada negara-negara lain adalah membawa hasil yang cukup banyak untuk rakyat jelata, barulah kita membuat pinjaman.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Kementerian Kewangan jika Kerajaan ada rancangan ataupun cadangan untuk membayar balik hutang-hutang lebih awal daripada jadual yang ada sekarang.

Yang kedua, apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan supaya kerugian yang kita alami akibat pertukaran matawang dapat dikekalkan di paras yang minima?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya bagi pihak Kementerian Kewangan telah menjawab soalan-soalan dan telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan kita ini apabila ekonomi kita telah pulih baru-baru ini, kita telah berjaya dalam usaha untuk membayar balik pinjaman-pinjaman luar negara dengan lebih awal lagi daripada jadual dan ini mengakibatkan bahawa kita telah dapat mengurangkan beban pinjaman

kepada negara kita ini dengan begitu berkesan dan juga mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin dan memastikan bahawa kerugian akibat keturunan ataupun perubahan matawang antarabangsa tidak akan menjejaskan ekonomi negara kita seperti apa yang dikatakan atau dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi untuk membayar balik lebih awal pinjaman luar negara daripada jadual adalah satu langkah yang berkesan supaya apabila kita nampak perubahan matawang antarabangsa tidak akan memberi faedah kepada negara kita, kita akan membayar balik lebih awal supaya kerugian dapat dijamin ke satu tahap yang rendah sekali.

MASJID DAN SURAU— PENGURUSAN

6. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan masjid-masjid dan surau-surau di negara ini dan adakah:

- (a) penyelarasan dari struktur pentadbiran dan pembangunan;
- (b) bimbingan dan nasihat termasuk pengajian;
- (c) kualiti Imam yang berwibawa;
- (d) bantuan kewangan selain daripada Kerajaan Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri; dan
- (e) hubungan dengan Persatuan masjid-masjid sedunia.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, jumlah masjid-masjid di seluruh negara ialah 4,632 buah dan surau ialah 7,813 buah.

Pengurusan masjid-masjid dan surau-surau adalah di bawah bidang kuasa Majlis-majlis Agama Islam dan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai peranan secara langsung dalam pentadbiran masjid dan surau. Ini termasuklah dalam hal perlantikan imam-imam dan pegawai-pegawai masjid kecuali mengenai

masjid-masjid dan surau-surau di Wilayah Persekutuan.

Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan melalui Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri mempunyai peranan secara tidak langsung dalam usaha mempertingkatkan dan menyelaraskan pentadbiran masjid-masjid iaitu melalui tugas berikut:

- (a) Urusetia bagi Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia;
- (b) Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri;
- (c) seminar dan bengkel yang diadakan dari masa ke semasa;
- (d) kursus-kursus pengurusan masjid; dan
- (e) kursus-kursus untuk imam-imam.

Bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan kepada masjid dan surau adalah dalam dua bentuk bantuan iaitu bagi membina masjid dan surau dan bantuan bagi membayar saguhati guru-guru yang mengajar di masjid-masjid di bawah Rancangan Takmir Masjid.

Pada masa ini tidak ada persatuan masjid-masjid sedunia. Apa yang ada ialah Majlis Masjid-masjid Sedunia di bawah Rabitah Al-Alam Al-Islami dan Malaysia menjadi ahli dalam Majlis Masjid-masjid Sedunia itu. Masjid-masjid dan surau di negara ini tidak ada apa-apa hubungan secara langsung dengan Majlis tersebut.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen masalah guru-guru Takmir Masjid. Saya difahamkan bahawa guru-guru adalah dilantik oleh Kerajaan di Takmir Masjid. Saya ingin tahu sekarang berapakah guru-guru yang telah ditugaskan sebagai guru di Takmir Masjid?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana ini

memerlukan notis kerana ianya melibatkan jumlah yang ramai di seluruh Malaysia.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati ada di setengah-setengah masjid diserapi oleh anasir-anasir yang bersifat memecah-belah dan juga anasir-anasir politik pembangkang. Saya ingin tahu apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan ataupun Kementerian ini dalam soal mengatasi anasir-anasir yang tidak sihat ini.

Soalan yang kedua, saya ingin tahu berapa banyakkah masjid-masjid ataupun surau-surau yang ada tetapi tidak berfungsi, kenapa tidak berfungsi serta apakah langkah untuk mengatasinya?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang kedua itu saya juga memohon notis kerana kita tidak ada mempunyai rekod masjid yang tidak berfungsi dan tidak digunakan sekarang.

Bagi soalan pertama, memang terdapat ada masjid yang mempunyai masalah dengan soalan perlantikan imam dan juga masjid yang digunakan oleh badan-badan politik. Bagi pihak Kerajaan sukalah saya menegaskan bahawa masjid tidaklah boleh digunakan oleh sebarang kegiatan politik. Ianya haruslah digunakan sebagai tempat beribadat sebagai rumah suci Allah dan haruslah digunakan dengan sebaik-baik untuk kepentingan agama Islam semata-mata. Insya Allah Jabatan Perdana Menteri dan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri akan berusaha untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah-masalah yang ada bagi masjid-masjid berkenaan.

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA— PEMBINAAN KAMPUS

7. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi pembinaan kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok serta bilakah pembinaannya dijangka siap dan berapa

jumlah optima pelajar yang dirancangkan untuk kampus tersebut. Adakah Kerajaan bercadang untuk menerima pelajar-pelajar dari negara-negara ASEAN khususnya dari Indonesia, Singapura dan Brunei untuk menyertai kursus-kursus ijazah di UUM.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi pembinaan kampus Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kedah dalam Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak \$215.5 juta dan kos keseluruhan bagi membangunkan kampus ialah \$420 juta. Pembinaannya dijangka siap pada bulan Julai 1990 dan jumlah optima pelajar yang dirancangkan untuk universiti ini ialah seramai 10,000 orang. Pihak Universiti dan Kementerian Pendidikan sedia untuk menimbangkan permohonan dari pelajar-pelajar negara ASEAN untuk mengikuti kursus-kursus ijazah di UUM dengan syarat mereka memenuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana ini berhubung dengan pembinaan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat siapakah yang mendapat tender pembinaan universiti ini. Saya juga mendapat laporan bahawa ianya diberi secara rundingan. Mengapakah Konsortium Pemborong-pemborong Kedah ataupun Dewan Perniagaan Melayu Kedah tidak dirundingkan malah tidak ada seorangpun daripada mereka yang mengetahui tentang projek ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pemberian tender untuk pembinaan kampus UUM dibuat mengikut prosedur biasa yang ditetapkan oleh Kerajaan dan oleh yang demikian soal memberi keutamaan kepada syarikat dari negeri berkenaan tidak timbul. Tetapi nama-nama syarikat itu saya pohon notis.

PASPORT MALAYSIA—KAWALAN

8. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah

langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawal pasport Malaysia daripada dicuri atau dirampas daripada pelancong-pelancong Malaysia di Thailand untuk dijual kepada orang lain; juga menjelaskan sama ada hukuman akan dikenakan pada mereka yang menggunakan pasport Malaysia tersebut; jika ya, apa jenis hukuman yang akan dikenakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, pasport adalah satu dokumen yang bernilai dan adalah menjadi kewajipan pemegangnya untuk menjaganya dengan selamat. Kerajaan tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan untuk menjamin keselamatan dokumen tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa dari masa ke semasa membuat penelitian dan semakan terhadap pasport-pasport yang dicurigai di pintu-pintu masuk negara ini. Bagi sesiapa yang didapati memiliki pasport yang dikeluarkan untuk kegunaan orang lain, tindakan undang-undang akan dikenakan. Jika disabitkan kesalahan ia akan dikenakan hukuman denda tidak melebihi \$10,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapat tahu bahawa pasport Malaysia bukan sahaja disukai oleh pencuri-pencuri pasport di Thailand malah di Taiwan pasport-pasport Malaysia menjadi satu pasport yang disukai dan dibayar dengan harga premium.

Apakah sebab-sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, maka pasport-pasport Malaysia disukai oleh orang-orang yang ingin memasuki atau orang-orang yang mencuri pasport dan membuat keuntungan daripadanya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada orang berpendapat bahawa pasport-pasport kita senang ditiru tetapi mutu pasport kita merupakan satu mutu yang cukup tinggi yang mempunyai security features, dengan izin, yang mencukupi. Tetapi mengapakah pasport-pasport kita ini begitu laku atau begitu popular di negara-negara luar? Ini

kemungkinan besar kerana rakyat asing sungguh berminat untuk datang ke negara kita untuk tujuan-tujuan yang tertentu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada pihak Kementerian akan membenarkan mereka yang hilang pasport sama ada dicuri atau dirampas semasa mereka melancong ke luar negeri, sama ada pihak Kementerian akan memberikan pasport yang baru kepada mereka kerana mereka ini mendapat kesulitan untuk mendapat pasport yang baru. Sama ada kelonggaran peraturan-peraturan akan dibuat agar mereka boleh mendapat pasport yang baru dalam masa yang singkat dan bukan saya rasa dalam masa yang lama. Mungkin sekarang ini, ia mengambil masa panjang iaitu lebih satu tahun sebelum mereka mendapat satu jawapan daripada pihak Kementerian.

Yang kedua, mengenai pasport yang dicuri. Mengenai hukuman yang dikenakan kepada mereka yang mencuri pasport, sama ada terdapat satu sindiket yang membuat demikian dan kalau ada, sama ada hukuman yang dikenakan ke atas mereka termasuk juga hukuman dari segi ISA kerana terdapat beberapa orang yang terlibat yang ditahan di bawah undang-undang ISA.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, bagi seseorang yang kehilangan pasport, kalau subjek itu hanya terus pergi ke Jabatan Imigresen mengatakan, "Saya sudah hilang pasport. Saya mahu ganti", ini mustahil boleh kita ganti. Tetapi ada mempunyai cara-cara yang tertentu kalau seseorang subjek kehilangan pasport, ia mesti melaporkan kepada pihak polis dan pihak polis membuktikan bahawa benar pasportnya kena curi dan dengan bukti-bukti yang sedemikian, dengan bukti-bukti pasport yang subjek ingat akan bilangan dan sebagainya, boleh pergi ke Jabatan Imigresen untuk mendapatkan pasport yang bukan 5 tahun tetapi merupakan setahun ke setahun sehinggalah penyiasatan dibuat dan kemusnahan pasport lama itu dapat dilakukan, maka barulah subjek diberi pasport 5 tahun seperti biasa.

Tentang sindiket ini, buat masa ini di Semenanjung belum lagi kedapatan satu sindiket yang mencuri pasport-pasport tetapi di Sabah baru-baru ini pihak polis sedang menyasiat agensi-agensi yang tertentu yang telah menipu rakyat Malaysia tentang pasport-pasport ini. Apa yang ada di tahanan ISA hari ini bukanlah yang mencuri pasport tetapi ialah yang membantu untuk mengeluarkan pasport palsu yang berlaku di negara ini. Itu sebabnya ada pegawai-pegawai Imigresen dan juga Pendaftaran yang telah ditahan di bawah ISA kerana melakukannya pemalsuan pasport-pasport Malaysia.

IMPORT BENIH SAYURAN

9. **Dr Nicholas Munong Anak Ibau** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) dari negara manakah negara ini mendapat benih sayuran untuk menampung keperluan negara kita;
- (b) berapakah jumlah mengimport benih-benih sayur dari negara itu tiap-tiap tahun pada tahun 1986, 1987 dan 1988; dan
- (c) apakah langkah Kementerian Pertanian supaya negara ini mampu mengeluarkan benih sayur-sayuran diri sendiri.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, untuk menampung keperluan negara kita, kebanyakan benih sayuran adalah diimport dari negara-negara seperti Taiwan, Thailand, Hong Kong, China, Jepun, Australia dan Amerika Syarikat. Sedikit sebanyak benih sayuran jenis iklim sederhana terdapat juga diimport dari negara-negara Eropah seperti Denmark, Holland dan Switzerland.

Bagi menjawab soalan (b), mengikut rekod permohonan untuk permit import, anggaran jumlah amaun permohonan mengimport benih-benih sayuran dari negara-negara utama tersebut di atas adalah sebanyak 150 hingga 200 tan setahun.

Bagi menjawab soalan (c), antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian supaya negara mampu mengeluarkan benih sayur-sayuran sendiri ialah menggalakkan penglibatan sektor swasta dan petani dalam perusahaan pengeluaran biji benih.

Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian sentiasa memberi khidmat nasihat dalam kegiatan-kegiatan untuk mengeluarkan biji benih sayur-sayuran yang bermutu tinggi.

Pada masa ini, Jabatan Pertanian sendiri mengeluarkan biji benih sayuran untuk pembekalan kepada petani-petani di kawasan-kawasan pedalaman dan kawasan Pantai Timur serta untuk projek-projek pertanian yang dilaksanakan oleh petani-petani dan swasta.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan ada beberapa negara luar yang kita import biji benih sayur-sayuran, jumlahnya lebih kurang 150 tan. Saya ingin tahu apakah jenis benih sayur-sayuran yang diimport dan berapakah dari segi nisbah nilai harganya?

Datuk S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis biji benih sayuran yang diimport kebanyakannya adalah kobis, kobis Cina, sawi, kailan, kangkung, kacang panjang dan sebagainya.

Kos import itu, saya tidak memahami apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jika ianya adalah tentang nilai yang diimport, anggarannya ialah lebih kurang \$4.5 juta.

GURU SANDARAN

10. **Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramai guru-guru sandaran di seluruh negara. Adakah Kementerian bercadang untuk menerima mereka ke Maktab Perguruan berasaskan pengalaman mengajar yang mereka perolehi.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru sandaran tidak terlatih mengikut data pada tahun 1989 ialah 11,478 orang. Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menerima guru-guru sandaran tidak terlatih berdasarkan pengalaman semata-mata. Sekiranya difikirkan perlu dan mereka memperoleh syarat kelayakan seperti kelayakan akademik termasuk pengalaman mengajar dan syarat umur maka mereka akan dipertimbangkan untuk masuk ke kursus di maktab perguruan sebelum mereka diterima mengajar secara tetap.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa guru-guru sandaran tidak terlatih itu tidak akan diambil untuk menjalani kursus perguruan dalam maktab perguruan, sekiranya mereka tidak mempunyai kelayakan akademik tertentu. Saya ingin mendapat tahu sama ada beliau sedar bahawa ada di antara guru-guru sandaran itu, khususnya yang mengajar di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina, di mana mereka tidak mempunyai kredit dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM tetapi mempunyai keputusan yang cemerlang dalam matapelajaran yang diajari dalam sekolah-sekolah itu iaitu bahasa Tamil dan bahasa Cina. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan menimbang supaya guru-guru sandaran dalam golongan ini dapat diterima untuk menjalani kursus perguruan dengan syarat bahawa mereka mendapat kepujian atau credit dalam Bahasa Malaysia selepas mereka tamat kursus perguruan dalam satu tempoh yang boleh ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita memang memberikan kelonggaran kepada guru-guru sandaran untuk terus berkhidmat secara sementara, tetapi mereka diberikan kesempatan untuk mendapat kredit dalam Bahasa Malaysia selama 5 tahun atau 8 tahun. Sekiranya ini perolehi, barulah mereka diambil untuk mengikuti kursus perguruan sebelum

diterima secara tetap dalam perkhidmatan Kerajaan. Syarat ini ialah syarat umum yang mencakup kedua-dua perkhidmatan Pendidikan dan juga perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat menyedari guru-guru sandaran yang tidak terlatih, tetapi mereka ini mempunyai syarat yang cukup dari segi kelulusan akademik, pengalaman mengajar dan lain-lain. Tetapi oleh kerana pengambilan masuk ke Maktab-maktab dari kalangan mereka ini adalah terlampau sedikit, quota peratusnya terlampau rendah menyebabkan mereka ini tidak dapat tempat di maktab-maktab.

Saya ingin tahu berapa peratuskah pengambilan yang sebenarnya yang telah diambil pada tahun lepas dan adakah pada tahun ini peratus daripada guru sandaran ini akan ditingkatkan.

Yang kedua, adakah Kementerian Pendidikan melonggarkan sedikit lagi syarat dari segi umur dan sebagainya, bagi mereka atau guru sandaran ini supaya membolehkan mereka masuk ke Maktab-maktab ini dan adakah mereka yang tidak terpilih tahun lepas boleh ditimbang untuk masuk Maktab pada tahun ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru sandaran yang mempunyai syarat yang cukup memang diberikan pertimbangan khas, bahkan peratus penerimaan guru-guru sandaran ini jauh lebih tinggi di beberapa tahun kebelakangan ini. Cuma seperti mana yang telah saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini, pada kesempatan lain sebelum ini, kita harus terima kenyataan bahawa syarat ini dari tahun ke tahun mesti meningkatkan, anak-anak kita yang lulus dari universiti kian banyak, yang lulus peringkat STPM juga lebih dari tahun-tahun sebelumnya. Jadi syarat yang minima sekali semata-mata tidak boleh dijadikan asas untuk diambil sekiranya mereka terpaksa bersaing dengan pelajar-pelajar lain yang lebih menunjukkan keupayaan, pengalaman dan juga keputusan akademik yang lebih

membanggakan. Oleh yang demikian, Kementerian tidak boleh melonggarkan syarat terus-menerus bahkan dari tahun ke tahun sepatutnya syarat-syarat ini harus ditingkatkan sekiranya kita serius mahu mencapai tahap pendidikan yang bermutu tinggi.

PEJABAT POS TAWAU— PEMBINAAN

11. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulai dan tarikh penyempurnaan akan dijangka bagi pelajar Pos Tawau yang baru yang telah benar-benar terlewat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menyedari bahawa terdapat sedikit kelewatan dalam pelaksanaan projek pembinaan Pejabat Pos di Tawau disebabkan masalah berikut:

- (i) rekabentuk bangunan Pejabat Pos Tawau ini yang dirancang adalah merupakan rekabentuk baru. Pelan struktur dan senibena bangunan baru ini adalah merupakan pelan piawaian siri baru yang direkabentuk berdasarkan pelan Pejabat Pos Besar Kota Bharu, tetapi telah diubahsuai bersesuaian dengan keperluan operasi Pejabat Pos di Tawau.
- (ii) mengikut amalan tawaran tender sekarang, setiap tawaran tender adalah tidak lagi dibuat secara "lump sum", dengan izin, sebagaimana dahulu. Tawaran tender Pejabat Pos Tawau adalah dibuat mengikut sistem "Bill of Quantities", dengan izin. Pihak Jabatan Kerja Raya Sabah memang memerlukan sedikit masa untuk menyediakan dokumen-dokumen tender mengikut sistem

baru ini dan sebagai tambahan, sebagaimana yang disebutkan adalah merupakan pelan piawaian siri baru yang belum digunakan untuk pembinaan lain-lain Pejabat Pos sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembinaan Bangunan Pejabat Pos Tawau yang baru ini dijangka dimulakan pada bulan Disember ini. Kerja-kerja pembinaan akan dijangka mengambil masa selama 65 minggu. Kerja-kerja pembinaan ini dijangka akan dapat disiapkan pada bulan April, 1991.

KELAS P.O.L.

12. **Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah peruntukan bagi pengajaran kelas-kelas P.O.L. pada tahun 1986, 1987, 1988 dan 1989.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi pembelajaran kelas-kelas bahasa Cina dan Tamil tidak termasuk kos latihan guru yang bertambah terutama pada tahun 1988/1989 ialah:

Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Sekolah Menengah Vokasional	Sekolah Teknik Teknik
<i>Tahun</i>		<i>Jumlah</i>	
		\$	
1986		6.2 juta	
1987		6.7 juta	
1988		6.7 juta	
1989		6.7 juta	

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih atas jawapan yang diberi tadi. Tetapi setakat ini seringkali kita kedengaran bahawa pengelolaan kelas-kelas P.O.L. ini masih menghadapi masalah kekurangan guru, lebih-lebih lagi kebanyakan guru-guru kelas P.O.L. ini terdiri daripada guru-guru SRJK(C). Dalam bertikata lain, mengajar di kelas-kelas P.O.L.

ini seolah-olah adalah kerja sambilan mereka. Jadi soalan saya:

- (i) apakah strategi Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan guru P.O.L. buat jangka masa yang panjang.
- (ii) apakah Kementerian bercadang menempatkan guru-guru sepenuh masa atau full time, dengan izin, untuk mengajar kelas-kelas P.O.L., jika ia bila, jika tidak, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang benar pengelolaan kelas bahasa Cina dan bahasa Tamil ini menghadapi sedikit masalah dalam pengurusan kerana kita mengalami kekurangan guru sebelumnya, tetapi sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pada tahun 1988/1989 kita telah melatih lebih dari 1,000 guru bahasa Cina dan juga guru-guru bahasa Tamil yang mencukupi. Jadi masalah ini pada hemat saya adalah masalah sementara dan kita dapat selesaikan pada sesi yang akan datang, sesi persekolahan ini yang bermula. Jadi inilah strategi utana yang telah dilakukan oleh Kementerian, kerana jumlah latihan itu sudah dua kali ganda dalam masa dua tahun dan dengan latihan sedemikian, kita percaya guru-guru ini akan ditempatkan sebagai guru tetap penuh masa yang mengajar bahasa-bahasa Cina dan Tamil di semua sekolah, bukan sahaja di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, tetapi di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan di mana bahasa Cina dan bahasa Tamil diajar.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Selain daripada pembelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di kelas-kelas P.O.L., adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kaum Sikh (Punjabi), yang kini hanya mempunyai sebuah sekolah sahaja yang menggunakan bahasa Punjabi sebagai bahasa pengantar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan telah meminta pihak Kementerian Pendidikan supaya diwujudkan juga kelas-kelas Punjabi dalam Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan ataupun Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan,

di mana didapati cukup bilangan murid-murid yang ingin belajar bahasa Punjabi. Dan sekiranya sekolah itu tidak mempunyai bilangan yang cukup, adakah pihak Kementerian bercadang supaya mengumpulkan mengikut kawasan sama ada bandar ataupun separuh bandar supaya dikumpulkan murid-murid ini untuk belajar bahasa Punjabi. Di samping itu juga saya ingin mendapat penjelasan, apakah kedudukan bahasa-bahasa lain seperti Iban dan lain-lain bahasa di Sabah dan Sarawak, sama ada ia juga diberi layanan dan keutamaan dalam pembelajaran bahasa Iban dan lain-lainnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelutong tidak sibuk mengenai bahasa Punjabi ini, Yang Berhormat dari Ipoh pula yang sibuk! (*Ketawa*)

Sebenarnya Kementerian memang menerima tuntutan dari suku-suku kaum untuk memperkenalkan bahasa mereka sebagai bahasa yang boleh diajar di sekolah. Sebagai satu dasar, Kementerian hanya memutuskan untuk menetapkan agar bahasa Cina, bahasa Tamil selain dari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan juga bahasa-bahasa tambahan yang dianggap sebagai bahasa penting dunia sahaja yang diajar. Jadi kita tidak bercadang pada peringkat ini untuk menyediakan kemudahan bagi masyarakat Punjabi, Jawa dan lain-lain. Setakat ini kita tidak dapat menimbangkan kerana implikasinya banyak walaupun kita tidak menghalang, pada hemat saya, sekiranya masyarakat Punjabi mahu menyediakan sendiri kelas-kelas tambahan di sekolah masing-masing, tetapi untuk dan meminta Kementerian menganjurkan semua bahasa, saya fikir ini menimbulkan banyak masalah dan akan membebankan Kementerian.

Mengenai bahasa-bahasa suku kaum di Sabah dan Sarawak-Iban, Kadazan, Dusun, Murut dan sebagainya-perkara ini telah pun dipohon oleh mereka. Kita telah memberikan pandangan tentang beberapa masalah yang dihadapi. Walau bagaimanapun, status bahasa Iban itu agak istimewa sedikit

kerana perkara ini telah pun dilaksanakan sebelum ini, jadi kita hanya kekalkan setakat itu sehingga seluruh implikasinya dikaji semula.

**PEGAWAI KERAJAAN
KUMPULAN A AKTIF
DALAM POLITIK**

13. Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah kakitangan Kerajaan Kumpulan A yang mengambil bahagian aktif dalam politik. Dan berapa ramai yang telah meninggalkan jawatan Kerajaan untuk terus mengambil bahagian yang aktif dalam politik; dan
- (b) tidakkah Kerajaan bercadang untuk meminda peraturan supaya membolehkan kakitangan Kerajaan Kumpulan A itu dapat bergerak aktif dalam parti politik. Jika tidak, mengapa.

6-12-89

7. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pegawai-pegawai Kerajaan Divisen Satu yang bergiat secara aktif dalam parti-parti politik sebagai pegawai-pegawai parti di peringkat cawangan, bahagian atau negeri dan nyatakan mereka terdiri dari mana jabatan-jabatan atau Kementerian-kementerian serta parti-parti politik mereka menganggotai dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Rasah pada 6hb Disember, 1989 kerana pertanyaan-pertanyaan ini mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb September, 1989 seramai 272 orang pegawai awam Kumpulan A telah dikenalpasti bergiat secara aktif dalam parti-parti politik sebagai pegawai-pegawai parti di peringkat cawangan, bahagian atau negeri.

Pecahan mengikut Kementerian atau Jabatan dan pentadbiran Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Kementerian Pendidikan	247 orang
Kementerian Kewangan	2 orang
Kementerian Pertanian	1 orang
Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah	1 orang
Kementerian Luar Negeri	1 orang
Kementerian Perusahaan Utama	1 orang
Jabatan Perdana Menteri	3 orang
Jabatan Immigresen	3 orang
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	2 orang
Jabatan Kebajikan Masyarakat	1 orang
Jabatan Kerjaraya	1 orang
Jabatan Belia dan Sukan	2 orang
Jabatan Pengairan dan Saliran	1 orang
Jabatan Perubatan dan Kesihatan	2 orang
Jabatan Penerbangan Awam	1 orang
Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang	1 orang
Pentadbiran Kerajaan Negeri	4 orang

Pecahan mengikut parti-parti politik adalah seperti berikut:

UMNO	184
MCA	48
MIC	18
PAS	12
Parti Gerakan	10

Pegawai-pegawai yang berkenaan telah dinasihatkan supaya meletakkan jawatan parti politik sekiranya ingin kekal dalam Perkhidmatan Awam, atau meletakkan jawatan dalam Perkhidmatan Awam sekiranya ingin aktif dalam politik.

Berhubung dengan perkara ini, seramai 6 orang pegawai telah meletak jawatan Perkhidmatan Awam untuk mengambil bahagian yang aktif dalam politik; dan 9 orang telah meletak jawatan politik untuk kekal berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam. Bagi mereka yang enggan mematuhi nasihat di atas, seramai 15 orang telah dikenakan tindakan tatatertib.

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda peraturan supaya membolehkan kakitangan Kerajaan Kumpulan A untuk bergiat cergas dalam parti politik. Sebab-sebab Kerajaan tidak bercadang meminda peraturan tersebut ialah:

- (i) Perkhidmatan Awam dan politik berbeza dari segi peranan dan tanggungjawab;
- (ii) sebagai penjawat awam, semua pegawai-pegawai awam hendaklah mematuhi dasar dan peraturan yang telah digubal oleh Kerajaan tanpa mengira apakah parti yang membentuk Kerajaan tersebut;
- (iii) setiap anggota Perkhidmatan Awam dilantik atas tanggungjawab dan amanah untuk memberi perkhidmatan kepada orang awam. Oleh yang demikian, Perkhidmatan Awam hendaklah bersikap berkecuali dalam hal-hal politik dan ia hendaklah taat-setia kepada Kerajaan yang memerintah. Sikap berkecuali dan taat-setia ini perlu wujud dalam Perkhidmatan Awam kerana setiap warganegara perlulah dilayani sama rata tanpa mengira kaum, agama, budaya serta fahaman politik mereka; dan
- (iv) penglibatan pegawai Kerajaan secara aktif dalam bidang politik khususnya Kumpulan A boleh mewujudkan kelompok-kelompok politik di pejabat mengikut kelompok-kelompok parti yang dianggotai oleh pegawai Kerajaan yang berkenaan. Ini boleh menjejaskan kelicinan perjalanan tugas-tugas rasmi pejabat.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jenis bukti yang cukup yang diperlukan untuk mengkategorikan seorang pegawai Kerajaan sebagai aktif dalam politik?

Soalan saya yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengemukakan angka yang hanya meliputi Semenanjung Malaysia, adakah itu

bermakna kakitangan Kumpulan A di Sabah dan Sarawak tidak terlibat dan jika ada penglibatan pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan A di Sabah dan Sarawak, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan angka-angkanya?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bukti berkaitan dengan adakah seorang pegawai Kerajaan itu terlibat secara aktif dalam politik atau terlibat dalam takrifan iaitu jika seseorang itu menjadi—saya sebut dalam jawapan saya tadi—menjadi anggota badan politik secara rasmi di peringkat cawangan ataupun peringkat bahagian ataupun di peringkat negeri. Kalau mereka menjadi anggota atau ahli jawatankuasa di peringkat itu, maka mereka adalah orang yang melibatkan diri secara aktif.

Dalam angka-angka yang saya sebutkan tadi tidak pula saya menyatakan bahawa mereka ini hanya ahli-ahli daripada Semenanjung sahaja. Jadi, mungkin termasuk orang-orang dari Sabah dan Sarawak terlibat. Saya tidak pecahkan kepada angka-angka mengikut negeri dan saya ingin maklumkan, pada hari ini saya tidak ada angka-angka mengikut negeri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jumlah kakitangan Kumpulan A yang terlibat dalam politik ialah 272 orang, sebagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri—6 telah meletakkan jawatan; 9 mengambil keputusan mengekalkan jawatan dalam Kerajaan tetapi meninggalkan jawatan politik; 15 diambil tindakan—29. $272 - 29 = 243$, bagaimana dengan 243 orang ini? Apakah tempoh masa yang telah diberi ataupun penyiasatan sedang dibuat lagi untuk ditentukan mengenai dengan baki 243 orang ini?

Manakala soalan yang kedua, daripada 272 orang, ada 3 orang daripada Jabatan Perdana Menteri. Yang saya menjadi aneh, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kakitangan di Jabatan Perdana Menteri sendiri yang seharusnya di bawah tanggungjawab

“Kepimpinan Melalui Teladan” dan sebagainya, mereka berani melanggar peraturan yang telah ditetapkan ini?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan baki angka-angka ini, saya ingat tindakan sedang diambil supaya mereka diberikan tempoh yang sesuai untuk meletakkan jawatan dalam Kerajaan ataupun jawatan di dalam parti, sebagaimana yang kita telah pun mengambil tindakan. Insya Allah undang-undang ini akan diselesaikan dengan secepat mungkin.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat dari Pasir Mas berkenaan dengan Pegawai-pegawai di JPM, saya ingat ini sama dengan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan lain. Mungkin mereka ini telah pun menyertai parti politik dengan harapan untuk keluar dan memasuki politik secara aktif dan mereka ini baru sahaja dikesan dan mereka ini telah pun diberi maklumat secara umum supaya mereka juga memilih untuk terus bekerja sebagai Pegawai Kerajaan ataupun hendak mengambil bahagian secara aktif dalam parti politik. Sebagaimana yang saya sebutkan dalam jawapan saya tadi, sudah ada beberapa orang yang sudah pun memilih untuk terus aktif dalam politik dan sanggup untuk meletakkan jawatan mereka dalam Kerajaan. Saya minta Yang Berhormat bersabar.

JAMBATAN NANGOH/KAMPUNG RUMIDI-PEMBINAAN

14. Tuan Michael Asang minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk membina sebuah jambatan bagi menghubungkan Nangoh dengan Kampung Rumidi memandangkan Sungai Labuk dan kedua tempat di atas terlibat dalam Projek Lebuhraya Sapi-Nangoh. Jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian

Kerjaraya tidak memasukkan pembinaan Jambatan Sg. Labuk yang menghubungkan Nangoh dengan Kampung Rumidi di dalam kontrak Projek Lebuhraya Sapi-Nangoh. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerjaraya bercadang untuk menimbang projek pembinaan jambatan sementara melintasi sungai berkenaan dalam Rancangan Malaysia Keenam nanti.

PIL DEXAMETHASONE— PENGUNAAN

15. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar atau tidak bahawa penggunaan pil “dexamethasone” adalah berleluasa khususnya di kawasan pendalaman di Sarawak. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya penggunaan pil tersebut dapat dihapuskan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar mengenai penggunaan pil dexamethasone di kawasan pendalaman di Sarawak. Walau bagaimanapun, siasatan yang dijalankan menunjukkan penyalahgunaan pil ini tidak berleluasa. Siasatan juga menunjukkan pil-pil tersebut tidak dijual oleh kedai-kedai di kawasan itu. Pil-pil ini disyaki diimport secara haram dan dijual oleh pedagang-pedagang kecil secara jualan dari rumah ke rumah. Kementerian ini telah pun melancarkan program-program pendidikan kepada orang ramai supaya mereka menyedari bahayanya penggunaan ubat ini tanpa nasihat perubatan yang profesional. Tindakan-tindakan yang diambil termasuklah menyebarkan kenyataan akhbar melalui akhbar-akhbar tempatan dan RTM dalam Bahasa Malaysia dan bahasa-bahasa tempatan; menyibar risalah-risalah yang berkenaan; mengadakan majlis penerangan dan dailog dengan ketua-ketua Masyarakat dan Pegawai-pegawai dari agensi-agensi lain; minta kerjasama agensi-agensi lain untuk mengawal pengimportan ubat ini termasuk agensi seperti Kastam dan sebagainya.

Masalah penyalahgunaan ubat ini telah dapat dikawal. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan terus mengambil tindakan-tindakan yang patut dan perhatian yang serius ke atas keadaan penggunaan ubat ini di kawasan-kawasan yang berkenaan ataupun tempat-tempat lain dan juga akan terus menyebarkan risalah-risalah kesihatan dari masa ke semasa.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat, dexamethasone ini adalah diimport secara haram. Saya ingin dapat tahu dengan cara apakah Kementerian Yang Berhormat dapat mengesan pengimportan itu adalah pengimportan haram, sebab ianya adalah haram, bagaimana pihak Yang Berhormat dapat tahu itu haram.

Kedua, dexamethasone ini bukan sahaja sejenis ubat steroid yang berleluasa digunakan oleh pesakit-pesakit yang tidak berpengetahuan tentang perubatan, seperti sejenis ubat yang sama dengan dexamethasone adalah prednisolon dan lain-lain steroid preparation, dengan izin, telah pun digunakan. Wujudnya masalah ini adalah sebab kekurangan penguatkuasaan farmasi dan juga pemegang lesen untuk menjual ubat-ubat beracun itu adalah ahli farmasi juga. Jadi, penguatkuasa itu, jikalau menguatkuasakan dia akan menangkap rakan sejawat ataupun rakan dari seuniversiti yang sama yang mungkin duduk di tepi mereka ketika mereka belajar di universiti. Pemegang lesen ini bukan tuan punya kedai, itulah masalah tentang undang-undang ini. Jadi, macam manakah Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan ataupun adakah langkah-langkah untuk memulihkan situasi ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ubat yang dimaksudkan itu adalah di bawah kawalan Akta Racun, 1952 dan hanya boleh dijual atas prescription, dengan izin, ataupun preskripsi doktor sahaja. Oleh kerana itu maka penguatkuasaan ke atas pengimportan ubat-ubat ini telah pun sebenarnya mengikut

maklumat yang saya terima diperketatkan. Tetapi kadang-kadang kita dapati bahawa ubat-ubat ini disyaki diseludup dan juga dikirimkan mungkin melalui saluran tertentu termasuk bungkusan pos daripada kawasan-kawasan dan juga negara-negara yang berhampiran dengan Malaysia, terutama negara-negara yang berhampiran dengan Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak.

Oleh kerana itulah maka kita telah pun mengambil tindakan untuk mengawas. Sebagai contoh, dalam tahun 1987 selepas pengawasan dijalankan tidak ada penjualan dilaporkan, tetapi dalam tahun 1988 penjualan nampaknya bermula semula, tetapi selepas itu kita telah mempertingkatkan lagi urusan penguatkuasaan dan pada tahun 1988, bulan September, satu consignment ubat ini sebanyak 10,000 tablets telah pun dirampas di Pejabat Pembungkusan Kuching. Bungkusan ini telah pun dikesan yang dikirimkan daripada Indonesia melalui saluran-saluran tertentu. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa prosedur dan cara-cara untuk kita mengesan penjualan ubat ini secara haram akan dipertingkatkan lagi seperti yang telah saya terangkan tadi. Oleh kerana itulah maka dalam tahun 1988 kita dapat mengesan ubat-ubat ini sebanyak 10,000 tablet dan mungkin akan dipertingkatkan lagi.

Mengenai perkara kedua, iaitu langkah-langkah yang mungkin diambil, selain daripada langkah pendidikan dan juga penyiaran kepada orang ramai tentang bahayanya pil ini jika dimakan ataupun digunakan tanpa prescription dari doktor, kita juga telah pun memberitahu melalui orang ramai di kampung-kampung dengan secara kenyataan akhbar dan juga menyatakan di sini "seelok-eloknya mereka menggunakan ubat ini dengan preskripsi doktor". Untuk makluman Yang Berhormat, ubat ini kononnya telah pun dikatakan boleh membaiki selera makan, menghilangkan kesakitan sendi-sendi dan melegakan penyakit asthma dan popular di kalangan orang-orang tua.

Oleh kerana itulah maka kita kena bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kastam, Jabatan Pos untuk mengurangkan penyeludupan. Pemeriksaan di kedai-kedai di kawasan-kawasan berkenaan pun telah pun dipertingkatkan untuk menentukan kedai-kedai tidak menjual ubat-ubat ini tanpa prescription.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 24 adalah diberi di bawah ini).

BANGUNAN SEKOLAH BARU— PENEMPATAN MURID

16. Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa berapa banyak bangunan-bangunan sekolah yang didirikan indah dan tersergam dua tiga tingkat tetapi muridnya tidak berapa kerat. Oleh yang demikian sudahkah Kerajaan membuat kajian dan perancangan teliti untuk jangka masa 5 hingga 50 tahun akan datang, supaya setiap bangunan sekolah yang didirikan itu akan dapat dimanfaatkan keseluruhannya serta diperlengkapkan dengan segala alat dan kemudahan pembelajaran supaya pendapatan negara tidak tersia-sia.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari adanya beberapa buah sekolah yang mungkin sedang menghadapi masalah kekurangan pelajar terutamanya di kawasan-kawasan penempatan baru seperti di Rancangan Felda.

Sebelum sesuatu projek pembinaan sekolah baru dibuat, Kementerian Pendidikan akan membuat kajian dan perancangan yang teliti mengenai kesesuaian dan keperluan projek berkenaan.

Semua projek yang telah dan akan dilaksanakan adalah berdasarkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kementerian untuk menampung keperluan murid di sesuatu kawasan.

Walau bagaimanapun masalah kekurangan murid di sesebuah sekolah boleh juga terjadi kerana berlakunya perubahan pelan induk pembangunan sesuatu kawasan di mana sekolah telah dibina berdasarkan unjuran (projection) Kementerian Pendidikan.

KEHILANGAN PASPORT DI SABAH

17. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah kes kehilangan pasport yang dilaporkan di Sabah pada bulan Jun tahun ini. Apakah kesudahan penyiasatan yang dibuat untuk kes ini. Dan apakah langkah-langkah segera yang telah diambil oleh Kementerian beliau terhadap agensi pekerjaan yang mengendalikan kegiatan penipuan ini. Dan sama ada Kementerian beliau akan membantu mereka yang menjadi mangsa di seluruh Sabah untuk mendapatkan pasport-pasport baru.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah kes kehilangan pasport yang dilaporkan di Sabah pada bulan Jun 1989 adalah sebanyak 278 kes. Buat masa ini kes-kes dan agensi-agensi pekerjaan yang disyaki masih dalam siasatan pihak Polis.

Setiap kes kehilangan pasport akan disiasat dengan teliti dan keputusan sama ada pasport baru akan dikeluarkan adalah bergantung kepada merit sesuatu kes. Adalah ditegaskan bahawa pasport Malaysia adalah satu dokumen Kerajaan yang bernilai dan hanya boleh dikeluarkan kepada warganegara yang layak sahaja. Maka adalah menjadi tanggungjawab pemegangnya untuk menjaga dokumen tersebut dengan selamat serta tidak sewenang-wenangnya menyerahkan kepada orang lain atau cuai menjaganya.

JAMBATAN SUNGAI LABUK MENGHUBUNGKAN NANGOH

18. Tuan Michael Asang minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk membina sebuah jambatan bagi menghubungkan Nangoh dengan Kampung Rumidi memandangkan Sungai Projek Lebuhraya Sapi-Nangoh. Jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kerja Raya tidak memasukkan pembinaan jambatan Sg. Labuk yang menghubungkan Nangoh dengan Kampung Rumidi di dalam kontrak projek lebuhraya Sapi-Nangoh. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya bercadang untuk menimbang projek pembinaan jambatan sementara melintas di sungai berkenaan dalam Rancangan Malaysia Keenam nanti.

PENOLAKAN AGAMA ISLAM— LARANGAN MENYIARKAN

19. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian telah memberi arahan kepada Akhbar New Straits Times dan Star dan melarang mereka menyiarkan Deed Poll untuk penolakan (renunciation) Agama Islam, jika benar, berikan sebab-sebab.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian ini tiada memberi arahan atau melarang akhbar "The New Straits Times" dan "The Star" daripada menyiarkan Deed Poll. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan bertindak ke atas mana-mana akhbar atau penerbitan yang menyiarkan apa jua bentuk berita termasuk iklan dan pengisytiharan yang menghina mana-mana agama atau menimbulkan sebarang kekeliruan, selisih faham atau perseteruan di kalangan penganut-penganut agama yang berlainan kerana ianya boleh mengancam keselamatan negara.

KANAK-KANAK PENGHIJRAHAN HARAM DI SABAH

20. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada kanak-kanak (bagi penghijrahan haram dan orang-orang pelarian) yang dilahirkan di Negeri Sabah akan diberi hak kewarganegaraan Malaysia. Jika ya, mengapa; dan
- (b) sama ada kanak-kanak (bagi penghijrahan haram dan orang-orang pelarian) yang dilahirkan di Negeri Sabah akan diberi Sijil Kelahiran yang sama dengan kanak-kanak yang ibu bapa mereka adalah warganegara Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Anak kepada penghijrah haram dan orang-orang pelarian yang lahir di Sabah tidak diberi hak kewarganegaraan Malaysia.
- (b) Semua kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan termasuklah kanak-kanak yang dilahirkan oleh penghijrah haram atau orang-orang pelarian. Mereka ini akan memiliki Sijil Kelahiran yang sama seperti dikeluarkan kepada kanak-kanak yang dilahirkan oleh warganegara Malaysia.

EKSPORT BARANGAN UTAMA MALAYSIA

21. Tuan Joe Ojhi Supiring minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan Kerajaan Malaysia kepada negara yang menggugat pasaran barangan Malaysia seperti pengeksporan (export) Kayu Balak, Minyak Kelapa Sawit, Koko dan lain-lain; dan adakah perkara ini telah diperbincangkan dalam mesyuarat negara-negara KOMANWEL (Commonwealth) yang bersidang di Kuala Lumpur.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Dalam usaha memastikan eksport barangan utama Malaysia seperti kayu balak, minyak kelapa sawit, koko dan lain-lain tidak tergugat di pasaran antarabangsa, Kementerian saya telah bertindak mempertingkatkan kerjasama dua hala, serantau, dan pelbagai hala di samping menghantar misi-misi teknikal dan ekonomik ke negara-negara tertentu di Eropah Barat, Asia Barat, Afrika Utara, Amerika Syarikat, PRC dan ASEAN.

Dalam usaha mengatasi kempen anti-kayu-kayuan tropika oleh kumpulan Pencinta Alam, Kementerian saya telah bertindak bagi membetulkan anggapan dan menyedarkan masyarakat dunia mengenai kedudukan sebenarnya dalam pengurusan dan penjagaan hutan di negara ini. Kerajaan telah menghantar delegasi di peringkat Menteri serta pegawai-pegawai kanan ke Jerman Barat, Perancis, U.K. dan Netherlands dalam tahun 1988 bagi memberi penerangan di atas kedudukan pengurusan hutan. Di samping itu peranan aktif telah dimainkan dalam forum-forum antarabangsa seperti ITTO serta dialog ASEAN, yang membincangkan soal pengurusan hutan dan alam sekitar. Kerajaan telah juga mempertingkatkan kerjasama dengan Indonesia di bidang perhutanan di mana pendekatan bersama akan terus diambil bagi mengatasi isu ini. Mesyuarat ke-21 Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN di Bandar Seri Begawan pada akhir bulan November telah juga bersetuju supaya satu Delegasi Menteri-Menteri ASEAN dihantar khususnya ke Eropah bertujuan menentang kempen tersebut.

Mengenai kempen anti-minyak sayuran tropika, Kerajaan bukan saja menumpukan usaha membanteras tohmah-tohmah palsu di Amerika Syarikat, bahkan mempergiatkan usaha-usaha untuk memastikan bahawa kesan buruk kempen tersebut tidak merebak ke negara-negara lain terutama pengimport utama bahan itu. Kerajaan telah menaja projek-projek penyelidikan mengenai khasiat pemakanan minyak kelapa sawit di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat, Belanda, Jepun dan

Pakistan. Maklumat-maklumat mengenai khasiat-khasiat minyak kelapasawit telah diedarkan kepada mereka-mereka yang berkenaan seperti peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha makanan dan para pengguna. Kerajaan juga telah membantu pihak industri minyak kelapasawit menubuhkan Tabung Galakan Pasaran Minyak Kelapa Sawit (POPF). Usaha-usaha ini telah membawa kesan yang baik di mana kempen tersebut di dapati semakin reda dan berkurangan.

Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada 18-24 Oktober 1989 di Kuala Lumpur telah menekankan pentingnya dipertingkatkan perdagangan komoditi di antara negara-negara anggota. Dalam konteks ini Mesyuarat telah melahirkan kebimbangan mengenai paras harga komoditi yang lemah dan tidak stabil serta menyarankan tindakan bersama bagi mengatasi masalah kemasukan pasaran bagi hasil komoditi yang diproses dan separa proses. Isu alam sekitar yang berkait dengan hutan tropika telah diberi fokus dalam Deklarasi Langkawi, di mana ditekankan tanggungjawab bersama negara-negara maju dan negara-negara tempat hutan tropika dalam pengurusan serta penjagaan hutan tersebut bagi melindungi alam sekitar dunia.

SUKAN SEA XV—PENCAPAIAN

22. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan pencapaian pasukan Malaysia yang cemerlang pada Sukan SEA di Kuala Lumpur baru-baru ini apakah kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif yang akan diberikan kepada para atlit untuk meningkatkan lagi prestasi mereka.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Ting Gaik Kwan): Kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif yang diberikan kepada para atlit untuk meningkatkan lagi prestasi mereka ialah:

(a) Skim Perangsang Ahli Sukan

Skim ini mula dilaksanakan pada bulan Januari 1983 yang

bertujuan untuk membantu dari segi kewangan dan sebagainya supaya atlit-atlit dapat menjalani latihan yang sempurna di bawah program yang diatur dan diawasi oleh Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negara. Atlit-atlit yang telah mencipta kejayaan di Sukan SEA XV akan dipertimbangkan untuk mendapat elaun setiap bulan di bawah Skim Perangsang Ahli Sukan. Atlit-atlit yang dipilih diberi elaun mengikut kategori masing-masing Skim ini dibahagi kepada tiga kategori iaitu:

- (i) Peringkat Dunia dan Asia \$250.00 sebulan selama dua tahun.
 - (ii) Peringkat Asia Tenggara dan serantau \$200.00 sebulan selama satu tahun.
 - (iii) Kumpulan yang berpotensi \$150.00 sebulan selama satu tahun.
- (b) Skim Hadiah Kemenangan Sukan

Salah satu usaha yang dianggap dapat memberi kesan penggalakan dan rangsangan yang jitu ke arah mempertingkatkan mutu sukan negara ialah pelancaran Skim Hadiah Kemenangan Sukan. Melalui Skim ini, sejumlah wang tunai dihadiahkan kepada atlit-atlit atau sekumpulan atlit yang berjaya memenangi pingat di Peringkat Olimpik, Asia dan SEA serta pertandingan lain yang setaraf dengannya. Pemberian itu adalah merupakan suatu pengiktirafan terhadap atlit-atlit kebangsaan yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Sejumlah \$118,000 telah disumbangkan oleh Majlis Sukan Negara kepada atlit-atlit yang telah berjaya memperolehi pingat emas di Kejohanan Sukan SEA baru-baru ini.

- (c) Kementerian Pendidikan melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah

Malaysia (MSSM) telah memberi keutamaan kepada atlit-atlit yang mewakili negara untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi tempatan bagi menghargai pengorbanan yang telah mereka lakukan bagi mengharumkan nama negara. Manakala Kementerian Belia dan Sukan mewujudkan Skim Biasiswa Sukan kepada atlit-atlit yang cemerlang bagi melanjutkan pelajaran di universiti-universiti luar negeri.

NARSCO DAN KOPERASI PEKEBUN KECIL DAERAH— PEMASARAN GETAH

23. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilakah pihak NARSCO dan Koperasi-koperasi Pekebun Kecil Daerah akan diberi peluang 100% di dalam soal pemasaran getah Malaysia. Setelah peluang ini diberi, bagaimanakah peranan untuk menjamin pelaksanaan pemasaran getah oleh Koperasi-koperasi tersebut. Apakah bentuk bantuan modal dan kepakaran yang akan diberi.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Kasitah bin Gaddam): Mengikut perancangan, pemasaran getah pekebun kecil yang dikendalikan oleh RISDA dijangka akan diserahkan kepada NARSCO dan Koperasi Pekebun Kecil Daerah mulai awal tahun 1990.

RISDA boleh memberi bantuan pengurusan kepada mana-mana Koperasi Pekebun Kecil Daerah yang memerlukan bimbingan sehingga Koperasi tersebut dapat berdikari. Dari segi modal pula, NARSCO, sebagai Koperasi induk kepada Koperasi-koperasi Pekebun Kecil Daerah, boleh memberi bantuan modal atas dasar pinjaman dari \$7 juta yang diberikan oleh Kerajaan.

**LAPORAN BUTTERWORTH FERI
TRAGEDI—BAYARAN
GANTIRUGI**

24. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan menerima kesimpulan laporan Butterworth Feri Tragedi yang telah menyatakan kejadian berlaku kerana kelalaian pengurusan PPC.

- (a) adakah Kerajaan sedia menubuh satu "Panel Arbitration" untuk membayar dan memproses ganti-rugi kepada mangsa berkenaan tanpa mereka mengambil tindakan mahkamah; dan
- (b) jika tidak, apa sebabnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kerajaan memang menerima kesimpulan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan syarikat-syarikat insurannya telah bersetuju mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat sama ada yang mengalami kecederaan ringan atau serius serta waris-waris mangsa yang terkorban, untuk menyelesaikan tuntutan di luar mahkamah secepat mungkin. Tindakan ini dibuat tanpa prasangka. Dengan demikian penubuhan sebuah lembaga timbangtara tidaklah timbul.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Yang di-Pertua, . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah jawab.

Tuan Hu Sepang: Di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (i) (1), saya suka minta satu penjelasan yang lebih lengkap dari Tuan Yang di-Pertua. Menurut surat Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah beri keputusan Yang Berhormat dari Rasah.

Tuan Hu Sepang: Bahawa saya tidak boleh memberi penerangan kepada apa

yang saya lihat. Jadi, saya minta satu penjelasan dari Tuan Yang di-Pertua, di manakah lojiknya? Jikalau dibaca macam ini . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah, saya telah memberi satu keputusan di dalam surat itu. Jadi, cukuplah. Jika Yang Berhormat . . .

Tuan Hu Sepang: Jikalau seorang Ahli tidak boleh memberi penjelasan, apa . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah, jikalau Yang Berhormat tidak bersetuju dengan keputusan saya bawah satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43.

Tuan Hu Sepang: Itu bukan maksud saya, saya cuma hendak minta satu jawapan yang lojik dari Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah beri jawapan, jika sekiranya Yang Berhormat hendakkan penerangan tambahan lagi, silalah datang berjumpa saya di pejabat saya.

Tuan Hu Sepang: Baiklah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 80 iaitu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat pun, saya telah sebutkan kelmarin ataupun pada hari Jumaat, berkenaan perkara ini, jikalau sekiranya Yang Berhormat hendak membawa Usul, silalah kemukakan Usul itu kepada saya, selepas itu akan dimasukkan jikalau sekiranya Usul itu dapat diterima boleh dimasukkan ke dalam Aturan Mesyuarat. Yang Berhormat tidak boleh bangun bercakap begitu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya isytiharkan saya telah hantar notis.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1990 dan Anggaran Pembangunan, 1990" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kesepuluh)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 27 (Jadual)—

Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun memakan masa seperti yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Kewangan, saya haraplah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, jika hendak berucap, pendekkan ucapan itu kepada 10 minit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 27 dan Maksud P. 27 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

3.43 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 137 Anggaran Perbelanjaan 1990-B.27—Kementerian Luar Negeri, Butiran 010400—Mesyuarat Ketua-ketua Negeri Kerajaan Negara Komanwel (CHOGM) dengan anggaran sebanyak \$33,042,800 bagi tahun ini.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan CHOGM yang diadakan di Kuala Lumpur dan Langkawi dari 18hb hingga 24hb Oktober, 1989. Penghormatan yang diberi kepada negara kita hasil dari susunan yang begitu baik sewaktu CHOGM menjadi kebanggaan setiap lapisan masyarakat. Malahan perkataan CHOGM yang dahulunya dikenali oleh segolongan kecil sahaja di negara ini, sudah menjadi istilah umum bukan sahaja di peringkat pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat secara langsung tetapi juga kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Di samping itu rakyat Malaysia terutamanya yang berada di Kuala Lumpur dan di Langkawi, telah berpeluang melihat dengan lebih dekat pemimpin-pemimpin negara asing yang menganggotai Komanwel. Tetapi yang lebih penting ialah dengan perbelanjaan sebanyak \$30 juta, Malaysia telah mendapat publisiti yang besar seluruh dunia dan di sepanjang persidangan. Kita semua akui bahawa publisiti ini menguntungkan negara dari negara dari segi pengiklanan kepada dunia lebih-lebih lagi di masa kini di mana Malaysia secara aktif berusaha membangun industri pelancongan.

Tuan Pengerusi, hasil daripada mesyuarat yang diadakan di negara ini, Malaysia telah menerima penghormatan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dilantik sebagai Pengerusi CHOGM selama dua tahun. Perlantikan sebagai Pengerusi CHOGM untuk dua tahun adalah satu perkembangan baru dalam Komanwel. Sebelum ini seorang Pengerusi CHOGM dilantik untuk tempoh masa mesyuarat itu sahaja dan bukanlah untuk dua tahun. Mungkin perlantikan ini diilhamkan oleh susunan yang baik sewaktu CHOGM diadakan di Malaysia.

Tuan Pengerusi, Malaysia seharusnya mengambil kesempatan dari kejayaan CHOGM untuk membuat beberapa susulan, antara yang menjadi keutamaan kita ialah untuk memperkenalkan Deklarasi Langkawi berkenaan dengan alam sekitar kepada seluruh dunia. Saya rasa amat kena pada tempatnya bagi Malaysia

memaklumkan kepada masyarakat antara-bangsa bahawa Ketua-ketua Kerajaan Komanwel bersepakat dalam pendirian untuk memelihara alam sekitar seimbang dengan keperluan pembangunan ekonomi terutama di negara-negara yang membangun. Pandangan ini adalah lebih rasional jika dibandingkan dengan saranan-saranan pihak lain terutama dari pihak seperti the Environmentalist atau kumpulan Green Peace di Eropah Barat yang dipengaruhi oleh maklumat-maklumat yang kurang tepat berkenaan negara-negara membangun. Mereka ini sering membuat andaian-andaian atau tuduhan-tuduhan melulu terhadap negara-negara membangun. Kadangkala oleh kerana salah fakta pihak Environmentalist atau Green Peace ini mengugut untuk memboikot barangan dari negara-negara membangun atas andaian bahawa negara-negara terlibat menindas pihak yang mencintai alam sekitar.

Tuan Pengerusi, hal ini boleh diperbetulkan jika negara-negara Komanwel mengambil langkah-langkah diplomatik untuk memaklumkan bahawa hampir semua negara di dunia ini berhasrat untuk memelihara alam sekitar secara teratur. Malahan bagi negara-negara membangun, ancaman terhadap alam sekitar tidaklah sebegitu ketara jika di bandingkan dengan pencemaran dan kerosakan di negara-negara maju seperti di Eropah Barat. Sebenarnya negara-negara maju hendaklah menunjukkan tanggungjawab dengan memberi sumbangan yang mencukupi bagi memelihara alam sekitar di negara-negara membangun selain daripada mengambil langkah-langkah memelihara alam sekitar mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyarankan supaya Wisma Putra berusaha dengan lebih giat lagi untuk menyebarkan maklumat kepada dunia luar berkenaan beberapa isu di Malaysia terutamanya berkenaan pemeliharaan hutan. Dalam hal ini lawatan seperti rombongan dari negara Jepun untuk melihat pengurusan hutan tropika atas anjuran negara-negara G7 tiga bulan yang lalu dan Pertubuhan Antara-

bangsa Hutan Tropika atau ITTO yang baru-baru ini mengunjungi Malaysia untuk melihat sendiri pemeliharaan hutan. Walau apapun laporan yang akan dibuat oleh delegasi ITTO berkenaan dengan lawatannya, pandangan tersebut akan menguntungkan negara ini kerana mereka akan mengemukakan apa yang dilihat tanpa dipengaruhi oleh golongan yang sentiasa memburuk-burukkan imej Malaysi di luar negeri. Mungkin pihak Wisma Putra melalui perwakilannya di seberang laut boleh juga menganjurkan lawatan anggota-anggota Kumpulan Environmentalist dan Green Peace ke Malaysia supaya sangkaan buruk mereka dapat diperbetulkan. Kita tidak ada sesuatu yang hendak disembunyikan, oleh itu lebih baiklah mereka melihat buktinya secara rasional. Jika kumpulan-kumpulan yang salah anggap ini tidak mahu menerima jemputan kita maka sekurangnya dunia akan tahu bahawa golongan tersebut sebenarnya tidak mahu menerima kenyataan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 137 Butiran 020000 di bawah Aktiviti Politik dan Penerangan dengan anggaran sebanyak \$66,498,600 bagi tahun 1990.

Saya ingin menyarankan supaya Wisma Putra mengambil langkah-langkah diplomatik supaya memperkuat perhubungan dengan semua negara-negara di dunia ini. Tumpuan khusus hendaklah dibuat kepada negara-negara jiran seperti di rantau ASEAN dan lain-lain negara seperti Vietnam, Laos, Kampuchea dan Myanmar. Saya agak khuatir melihat perkembangan-perkembangan semasa di negara-negara jiran seperti di Kampuchea di mana persengketaan boleh mengancam kestabilan negara-negara lain seperti Thailand dan Malaysia. Begitu juga perkembangan di rantau Asia Selatan di mana India akhir-akhir ini sedang memainkan peranan yang begitu aktif untuk memperluaskan pengaruhnya terhadap negara-negara jiran. Dahulunya India hanya menumpukan perhatian terhadap jiran-jiran terdekat seperti Pakistan, Bangladesh

dan China. Tetapi sekarang ini India sudah mula campur tangan dalam hal ehwal negara-negara lain seperti Sri Lanka, Maldive dan Nepal. Saya khuatir jika sikap ini dibiarkan tanpa teguran maka India akan terus campur tangan dalam negara-negara lain seperti Bhutan dan Sikkim. Mungkin pula India akan menunjuk minat terhadap kawasan perairan nasional dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia melalui rondaan kapal perang tentera lautnya yang sedang diperbesar.

Memandangkan ZEE Malaysia mengandungi sumber-sumber kekayaan seperti petroleum, gas dan ikan yang boleh menjadi rebutan, maka notis harus diberi kepada jiran-jiran supaya tidak menjalankan aktiviti yang boleh menimbulkan konflik di perairan kita, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa masalah yang serupa telah pun berlaku di perairan Malaysia di Laut China Selatan di mana beberapa terumbu-terumbu kepunyaan kita telah diduduki oleh tentera-negara jiran.

Tuan Pengerusi, saya juga ucapkan tahniah kepada Wisma Putra yang telah mengharumkan nama negara kita melalui kejayaan-kejayaan seperti menduduki kerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan kerusi Presiden UNESCO, di samping penghormatan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa berkenaan Salahguna Dadah dalam pertubuhan dunia. Penghormatan sedemikian memberi kesempatan kepada Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih aktif di dalam bidang antarabangsa. Suara kita akan didengar oleh dunia dan pendapat kita juga akan ditinjau berkenaan isu-isu penting yang boleh mempengaruhi suasana keamanan antarabangsa.

Oleh kerana negara kita akan mengambil peranan yang lebih aktif dalam isu-isu antarabangsa, maka saya ingin menyarankan supaya kekuatan dan kualiti pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri kita dipertingkatkan. Pegawai-pegawai yang

berkelayakan hendaklah diberi latihan yang secukupnya bagi memikul tanggungjawab urusan antarabangsa. Yang kurang cekap hendaklah diberi latihan tambahan supaya mereka dapat mencapai kemahiran yang diharapkan. Yang tidak minat menjalankan tanggungjawab dan tugas di seberang laut hendaklah dipanggil pulang dan ditukar ke Kementerian-kementerian lain.

Saya juga difahamkan bahawa Kementerian Luar Negeri serta perwakilan-perwakilannya di seberang laut sangat kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan yang mahir dalam bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa asing, seperti Perancis yang perlu untuk persidangan-persidangan badan-badan antarabangsa. Beberapa pegawai diplomatik yang baru diambil umpamanya tidak mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang mencukupi bagi mengendalikan urusan beberapa urusetia antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia. Begitu juga kakitangan penting seperti jurutrenkas yang tidak dapat mencatat dan merakam posiding-prosiding antarabangsa oleh kerana kurang mahir dalam bahasa asing, terutamanya Inggeris dan Perancis. Oleh itu adalah disarankan supaya Kerajaan memberi perhatian terhadap soal ini dan membantu Wisma Putra menambah dan meningkatkan kualiti serta kemahiran pegawai-pegawai dan kakitangan secepat mungkin. Kalau negara ini bercadang memainkan peranan yang lebih aktif dalam bidang antarabangsa, maka amatlah wajar Wisma Putra diberi sokongan penuh untuk mendapat pegawai-pegawai dan kakitangan yang sesuai. Jika yang sedia ada tidak begitu mahir dalam penguasaan bahasa Inggeris dan Perancis, maka peruntukan hendaklah diberi secukupnya bagi mereka menjalani kursus-kursus bahasa tersebut supaya mereka akan dapat berkhidmat di urusetia-urusetia badan antarabangsa dengan lebih berkesan.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lubuk Antu.

3.54 ptg.

Tuan Jawah Anak Gerang (Lubuk Antu): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 137, Maksud B.27, Butiran 020000 iaitu Politik dan Penerangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, terutama Kementerian Luar Negeri kerana berjaya meningkatkan imej negara serta mengharumkan nama Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa. Dasar Luar yang pragmatik dan sederhana yang diamalkan oleh Malaysia telah mendapat penghormatan dari negara-negara di dunia dan ini telah terbukti dengan pemilihan Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pemilihan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Saudara Anwar Ibrahim sebagai Pengerusi UNESCO General Conference dan kejayaan yang lain di berbagai pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Pada bulan Oktober yang lepas, Malaysia telah menjadi Tuan Rumah untuk Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel (CHOGM) dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan Wisma Putra kerana telah berjaya mengendalikan mesyuarat itu dengan cemerlang sekali. Kedutaan dan Suruhanjaya-suruhanjaya Malaysia di luar negeri memainkan peranan yang sangat penting di dalam menjaga imej dan kepentingan negara di seberang laut.

Saya sendiri telah melawat Amerika Syarikat dan semasa lawatan itu saya dapati bahawa kedutaan kita di Washington dan Wisma Putra telah memainkan peranan yang penting untuk menjayakan lawatan itu. Kedutaan kita telah mengatitkan satu program yang sangat penting yang telah membolehkan delegasi saya bertemu dengan pegawai-pegawai yang berkenaan. Ini dapat dilakukan kerana pegawai-pegawai di kedutaan telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh profesionalisme dan mempunyai

hubungan yang baik dengan pegawai Amerika Syarikat yang berkenaan. Pihak kedutaan telah mengatur pertemuan di antara delegasi dengan seorang Ahli Kongres, Don Glidman, iaitu seorang pengasas utama di Kongres yang bertanggungjawab untuk membubuh tanda keterangan diskriminasi terhadap minyak kelapa sawit dan juga Ahli-ahli Kongres yang lain. Kedutaan kita di Washington memainkan peranan yang penting di dalam menentang perbincangan di Kongres untuk membubuh tanda keterangan yang boleh mendiskriminasikan minyak kelapa sawit di Malaysia.

Kementerian Luar Negeri dan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menjaga serta meningkatkan imej dan kepentingan negara di kalangan masyarakat antarabangsa walaupun saya selalu terfikir sama ada Kementerian Luar Negeri dan kedutaan-kedutaan kita mendapat peruntukan kewangan yang mencukupi daripada Kerajaan untuk menjalankan kewajipan-kewajipan ini dengan sempurna. Semasa di Washington saya melihat sendiri bahawa kereta rasmi yang digunakan oleh kedutaan kita adalah sangat buruk dan di dalam keadaan yang menyedihkan. Kereta ini sepatutnya lama telah ditukarkan. Juga perabot-perabot di kediaman rasmi duta kita di Washington sangat buruk dan di dalam keadaan yang teruk sekali. Sekiranya keadaan sedemikian terdapat di kedutaan kita di sebuah negara yang maju, bagaimana pula keadaan kedutaan-kedutaan kita di negara-negara yang sedang membangun.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Mas.

3.58 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 138, Butiran 030000 Ekonomi dan Kerjasama Serantau di bawah Butiran Kecil 030200-Ekonomi Antarabangsa.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian Luar Negeri supaya meningkatkan kerjasama ekonomi antarabangsa, terutamanya dengan negara Iran. Iran adalah sebuah negara yang kita ketahui buat masa ini sudahpun mempunyai kedamaian apabila berlakunya persetujuan perletakan senjata di waktu perang Iran dan Iraq, dan Iran ini mempunyai rakyat lebih daripada 50 juta orang dari segi potensi pasarannya dan sebuah negara telok yang terkemuka, kaya dengan minyak, kaya dengan gas dan sebagainya.

Buat masa ini banyak negara-negara yang tertentu memandang sepi terhadap Iran mungkin oleh kerana masalah dalaman dalam negara Iran satu ketika sebelum ini. Tetapi Iran sudah pulih dan sudah menjadi sebagai sebuah negara yang dapat berdiri di atas kaki sendiri hasil daripada perjuangan rakyatnya yang gigih di bawah pimpinan Almarhum Imam Ayatollah Rohullah Khomeini Tetapi saya dapati kakitangan kedutaan luar negeri kita di Tehran, Iran tidak begitu ramai. Dan dalam konteks perhubungan ekonomi antarabangsa, perkara ini harus diberi perhatian iaitu ditambahkan kakitangan dan diperhebatkan hubungan ini dengan menyertai apa juga pameran perdagangan antarabangsa yang dianjurkan di Tehran bagi mengambil kesempatan dalam proses pembangunan semula Iran dalam rancangan pembangunan lima tahun yang kita diberitahu menelan belanja lebih daripada US\$5 billion. Manakala sekarang ini pun peluang-peluang perniagaan di Iran sudahpun diambil kesempatan oleh negara-negara lain seperti perdagang-perdagang Singapura.

Saya mengetahui perkara ini, Tuan Pengerusi, di waktu saya berkesempatan melawat Iran baru-baru ini dan diberi kesempatan bertemu dengan salah seorang tokoh pimpinan Iran yang terkemuka iaitu anak kepada Allahyarham Imam Khomeini iaitu Iman Ahmad Khomeini dan beliau telah memberikan pandangan iaitu bahawa rakyat negara kita, negara Malaysia mempunyai kesempatan yang begitu luas dalam konteks perhubungan perdagangan ini. Ketika tidak boleh membiarkan peluang

yang begitu besar kerana dari segi hubungan ekonomi antarabangsa di kalangan negara Timur Tengah dan Teluk selama ini begitu kurang sekali.

Tetapi sebelum kita mendapat perhatian daripada negara Iran, sewajarnya juga Kementerian Luar Negeri memainkan peranan membetulkan pandangan yang dibuat oleh akhbar-akhbar antarabangsa terhadap apa yang berlaku di Iran sehingga menakutkan dan memberi salah tafsir melalui pandangan setengah-setengah pihak terhadap apa yang berlaku di Iran sekarang ini. Sebenarnya ianya tak lebih daripada propaganda-propaganda akhbar Barat bagi merosak dan mencemarkan imej perjuangan yang dibawa oleh Allahyarham Imam Khomeini. Malah jika kita tidak membetulkan perkara ini, sudah barang tentu Iran memandang sepi kepada negara kita dalam hubungan perkara-perkara termasuk ekonomi. Kita hendak menjual kelapasawit kepada Iran, Iran memandang dingin. Saya percaya sikap kedinginan ini boleh diatasi jika kita bersikap lebih positif dan bertanggungjawab dalam memainkan peranan terutama dalam negara kita sendiri dengan memberikan penerangan yang betul. Malahan baru-baru ini, sesudah Imam Ayatollah Khomeini meninggal dunia, keluar dalam akhbar *Utusan Malaysia* yang ditulis oleh salah seorang pengarangnya yang menggambarkan seolah-olah Iran membina Kaabah yang kedua seperti Baitullah yang samasekali satu berita yang tidak benar.

Apa yang berlaku, Tuan Pengerusi, sesudah Imam Ayatollah Khomeini meninggal dunia sebagai seorang pemimpin revolusi Iran yang terkemuka—saya sebenarnya bukan taksab ataupun menyokong revolusi Iran, tidak, jangan salah faham Tuan Pengerusi, tetapi hanya sekadar dalam konteks hubungan duahala, hormat menghormati, kita memberikan gambaran yang betul dan mereka memberikan gambaran yang betul untuk kebaikan negara dan kebaikan kedua belah pihak. Sebenarnya apabila berlaku jutaan rakyat menziarah ke kota Tehran, menziarah Imam Ayatollah Khomeini akhirnya begitu sukar

hendak mengebumikan Imam Ayatollah Khomeini, maka terpaksa diadakan berbagai-bagai sekatan. Dan di antaranya di waktu pengebumian diletakkan tangki-tangki (tankers) dan oleh kerana waktu perkabungan ditutupnya dengan kain hitam, jadi seolah-olah nampak macam Kaabah. Tetapi tak sampai pun dua minggu, Tuan Pengerusi, sudahpun dibina sebuah masjid yang sederhana yang harganya tidak mahal tetapi apa yang hendak dilakukan di kawasan tersebut ialah hendak membina universiti Khomeini dan hendak membina rumah-rumah murah, rumah-rumah untuk mereka yang terkorban akibat revolusi Islam di Iran.

Itulah sebenarnya yang berlaku. Jadi, sebab itu banyak pihak salah faham dengan apa yang berlaku di sana, termasuk akhbar-akhbar di negara kita sendiri. Maka sebab itu mungkin negara Iran sekarang ini berpandangan dingin, walaupun kita ada hubungan diplomatik dalam soal-soal hubungan ekonomi dan sebagainya, tetapi mungkin oleh kerana mereka memikirkan kita juga turut tidak memberi kerjasama dengan memberi penerangan yang sebenarnya. Banyak perkara yang berlaku di sana disiarkan berita-beritanya seolah-olah sesuatu yang menakutkan iaitu cara mereka memerintah di sana, sekaligus berkait dengan soal bagaimana layanan Islam kalau ianya dijadikan sebuah sistem. Maka ianya menjadi begitu menakutkan kerana digambarkan bahawa apa yang berlaku di Iran, konon itulah keadaannya. Sebenarnya perkara itu tidak sedemikian sebagaimana yang kita tahu.

Oleh itu, saya menggesa Kementerian Luar Negeri memberikan perhatian yang berat kepada masalah ini dan membaiki perhubungan yang lebih baik. Mungkin sekarang ini sudah baik, tetapi kita perlu mempunyai hubungan yang lebih positif daripada sekarang, dengan memberikan penerangan yang lebih positif terhadap apa yang berlaku di negara tersebut.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh soal Butiran 040000 Protokol, mukasurat 138, Aktiviti 040100 butiran Keistimewaan dan Immuniti Politik

yang memerlukan \$1,584,400. Saya ingin mengetahui berapa orangkah jumlah perlindungan politik yang telah diberi oleh negara kita sekarang ini, dan kalau ada, dan daripada negara-negara mana. Yang kedua, saya ingin mengetahui bagaimanakah kedudukan pelarian politik ataupun perlindungan politik yang telah diberi oleh Kerajaan Malaysia kepada anggota Parti Rakyat Brunai satu tempoh dahulu. Pada hari ini kita sudah tidak ada masalah lagi dengan Brunai, kenapakah Kerajaan Malaysia tidak berusaha untuk mencari jalan untuk menyelesaikan masalah mereka yang masih ada dalam negara kita akibat daripada masalah yang berlaku di Brunei satu ketika dahulu.

Jadi, inilah perkara yang saya ingin menyentuh, Tuan Pengerusi, dan yang akhir iaitu 00100, mukasurat 139 iaitu Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut di bawah Maksud Pembangunan P.27. Satu perkara sahaja saya ingin tahu iaitu pembinaan bangunan dan rumah kediaman di Jepun yang baru. Apakah benar, saya difahamkan bahawa pemberian kontrak untuk membina kediaman kedutaan di Jepun menimbulkan kontroversi sebab banyak aduan-aduan yang tidak puas hati di kalangan kontraktor-kontraktor bersabit dengan pembinaan rumah kediaman kedutaan Malaysia di Jepun yang begitu besar, begitu hebat bunyinya. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Selepas itu Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.08 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya bercadang dengan cara ringkas atas satu perkara sahaja iaitu berkenaan dengan Aktiviti 010200 Perhubungan dan Keselamatan.

Dalam mengambil bahagian dalam perbahasan atas tajuk ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa

pihak Kementerian berkenaan untuk mengkaji semula perhubungan negara Malaysia dengan negara Republik Rakyat China, memandangkan kepada perkembangan baru-baru ini mengenai Parti Komunis Malaya (PKM). Seperti mana yang kita sedia maklum PKM baru-baru ini memutuskan menamatkan perjuangan bersenjata dan keputusan itu telahpun disambut baik oleh semua pihak, baikpun dalam Kerajaan ataupun dari parti Pembangkang. Sejak negara kita memulakan perhubungan dengan Republik Rakyat China, perhubungan antara kedua negara ini sentiasa dibincang dan dipandang dari segi keselamatan, memandangkan kepada kegiatan-kegiatan yang dilancarkan oleh PKM. Berikutan dengan masalah itu, berbagai sekatan telahpun dikenakan ke atas rakyat Malaysia yang ingin melawat ke negara China baikpun untuk tujuan sosial, perubatan ataupun perdagangan dan ini tidak dapat dinafikan merupakan suatu hakikat. Sekatan-sekatan ini telah membawa masalah kepada rakyat negara kita dan khususnya boleh dikatakan ini merupakan suatu rintangan atau, dengan izin, obstacle terhadap perhubungan yang baik dan normal di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China.

Maka dengan perkembangan yang berlaku baru-baru ini saya ingin mengambil peluang ini untuk menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk mengkaji semula isu berkenaan dengan perhubungan antara kedua-dua negara Malaysia dan China dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa perhubungan antara dua negara itu dapat berjalan dengan normal atau pun dengan izin, to work towards the normalization of relations antara dua negara, memandangkan kepada perkembangan baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

4.01 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya

bangun ingin menyentuh Maksud Bekalan B.27 muka surat 137, Butiran 020000 Politik dan Penerangan.

Tuan Pengerusi, saya nampak peruntukan yang dicadangkan untuk tahun depan ialah sebanyak \$66,498,600 yang mana nampaknya lebih bertambah kalau dibandingkan dengan peruntukan tahun lepas. Maka saya berterima kasih moga-moga dengan peruntukan ini lebih-lebih memberi kesan yang baik pada pandangan negara-negara luar terhadap negara kita di masa-masa akan datang, insya Allah.

Tuan Pengerusi, apa yang saya lihat dalam Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, Politik dan Penerangan; ini bertujuan supaya imej dan maruah negara kita ini terkenal dengan baiknya diperingkat antarabangsa dan dasar-dasar luar Kerajaan juga dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dengan dapat menyebarkan maklumat-maklumat mengenai dengan dasar negara ke atas isu-isu antarabangsa dan wilayah serantau.

Tuan Pengerusi, dengan ini bagi saya banyak bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan hidayah dan petunjuknya maka negara kita daripada masa ke semasa boleh dikatakan terkenal kepada negara-negara luar. Dan saya terima kasih kepada pucuk pimpinan kita hari ini, terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri luar Negeri kita, yang telah berusaha dengan begitu gigih, tidak kenal penat dan lelah cuba memperkenalkan negara kita ini kepada negara-negara luar dan imej negara kita sudah meningkat dari masa ke semasa, terutama sekali dengan perlantikan Yang Amat Berhormat sebagai Pengerusi Anti-Dadah di peringkat antarabangsa. Dan baru-baru ini juga membawa Ketua-ketua Negara Komanwel mengadakan Mesyuarat CHOGM di Kuala Lumpur dan juga dengan terpilihnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebagai Pengerusi UNESCO di Paris baru-baru ini. Ini semua boleh dikatakan diantara peranan yang dimainkan oleh pihak pemimpin kita hari ini. Saya mengharapkan kepada Kerajaan kita hari

ini dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi supaya matlamat dan tujuan ini dapat diperkenalkan dengan lebih bermakna dan berkesan lagi di peringkat antarabangsa di masa-masa akan datang, insya Allah.

Tuan Pengerusi, menyentuh aktiviti politik, tujuannya ialah menjaga kepentingan negara dengan mengkaji, mengawasi, dan merancang serta mengkaji semula dasar luar negeri yang berkaitan dengan negara ini.

Tuan Pengerusi, apa yang saya suka menyentuh dalam perkara ini ialah Kerajaan kita hendaklah lebih peka lagi dengan keadaan semasa dan mengambil kira kedudukan pelajar-pelajar kita di luar negeri kerana merekalah dianggap sebagai duta kita di luar negeri, apa yang mereka lakukan seolah-olah itulah gambaran kepada luar negeri. Kadang-kadang ada juga diantara pelajar-pelajar kita ini terpengaruh dengan dakyah-dakyah kumpulan anti-Kerajaan yang mana mereka tanam kepada pelajar-pelajar kita dan mencucuk fikiran mereka dengan berbagai-bagai tuduhan, fitnah sehinggakan pelajar-pelajar kita dapat menerima pengaruh-pengaruh mereka yang cuba anti-Kerajaan kita pada hari ini. Maklumlah pelajar-pelajar kita yang pergi ke sana atau ke luar negeri di masa itu umur mereka masih rendah. Berada diluar negeri berbelas-belas tahun dengan menghadapi berbagai-bagai pelajaran, apabila keadaan politik tanahair ini mereka tidak rasai, mereka senang sahaja menerima pengaruh apa yang dibawa kepada mereka.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh, pelajar-pelajar kita yang belajar di Timur Tengah ataupun negara-negara Arab. Keadaan negara itu hampir 100% orang Islam. Apabila mereka dipengaruhi oleh golongan-golongan tertentu maka mereka nampak bahawa politik tanahair kita ini adalah salah dan tidak betul dengan semangat Islam yang ada pada mereka. Mereka lupa bahawa keadaan negara ini penduduknya berbilang kaum, bermacam-macam agama dan kebudayaan. Saya mengharap kepada bagi pihak Kementerian Luar Negeri supaya

benar-benar dapat merancang sesuatu dan mengawasi supaya politik tanahair kita dapat diperkenalkan kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri, khususnya pelajar-pelajar yang saya maksudkan yang sedang belajar di negara-negara Timur Tengah.

Tuan Pengerusi, saya melihat kepada aktiviti penerangan di luar negeri. Tujuannya untuk menambah kefahaman negara-negara asing kepada negara kita Malaysia ini dengan menyebarkan maklumat-maklumat mengenai dasar Kerajaan dan pentadbiran Kerajaan mengenai isu-isu antarabangsa. Aktiviti ini mengawasi perkembangan media massa yang ada kaitannya dengan kepentingan dan imej negara yang positif mengenai perkembangan politik, sosio-ekonomi dan kebudayaan serta memperbetulkan anggapan-anggapan yang negatif terhadap negara kita.

Tuan Pengerusi, apa yang saya lihat dalam Penyata Prestasi Aktiviti ini untuk surat-surat akhbar, kepada Pegawai Penerangan di luar negeri \$20,823,000 dan juga proses telegram dikirimkan (BERNAMA) sebanyak \$11,760. Saya melihat kepada peranan penerangan ini penting untuk menyampaikan maklumat-maklumat isu semasa ke luar negeri, terutama sekali kepada rakyat kita di luar negeri. Oleh itu, saya nampak prestasi ini tidak begitu cukup, perlu ditambahkan lagi kerana penerangan ini penting, lebih-lebih lagi isu negara kita ini semakin hari semakin bertambah dan makin berubah. Dengan ini, saya menyeru kepada pihak Kementerian Luar Negeri supaya menambatkan lagi Pegawai-pegawai Penerangan, media massa supaya lebih-lebih lagi penerangan dapat ditumpukan, terutama sekali kepada rakyat kita yang berada di luar negeri supaya kefahaman politik mereka benar-benar dapat ditanam atau diserapkan kepada jiwa mereka, mudah-mudahan manakala mereka balik ke negara kita ini, mereka tidak lagi mencabar atau membuat sesuatu terhadap dasar-dasar Kerajaan kita yang ada pada hari ini. Dengan ini, saya menyokong peruntukan ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.20 ptg.

Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan perbelanjaan di peringkat Jawatankuasa ini bagi Kementerian Luar Negeri.

Dengan adanya perhatian yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sama ada di peringkat saya, peringkat Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri sama ada berkhidmat di Wisma Putra ataupun di luar-luar negeri, sudah pasti akan dapat meneruskan tugas-tugas kami dengan adanya sokongan dan perhatian yang serius yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Saya tidak bercadang untuk hendak menjawab satu persatu segala perkara yang telah dibangkitkan sebentar tadi kerana ini memakan masa yang panjang. Namun begitu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali dari Kota Setar, Lubuk Antu dan Rantau Panjang yang telah mengucapkan penghargaan di atas usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Luar Negeri sehingga berjaya negara kita dalam beberapa perkara yang tertentu seperti yang disebutkan sebentar tadi, iaitu sebagai ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan Dadah dan juga perlantikan Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebagai Presiden UNESCO dan sepertimana yang kita maklum, kejayaan yang telah negara ini perolehi di dalam mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang telah diadakan di negara ini pada 18hb hingga 24hb Oktober yang lalu.

Kita sedia maklum bahawa kejayaan ini bukanlah merupakan kejayaan kepada seseorang individu ataupun kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain, tetapi adalah merupakan kejayaan kita semua di negara ini yang mana dalam usaha untuk kita mengadakan CHOGM, bukan sahaja pihak kami, pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahkan seluruh rakyat di negara ini dan juga pegawai-pegawai Kerajaan daripada agensi-agensi yang lain telah turut terlibat bagi menjayakannya sama ada di Kuala Lumpur, di Langkawi, di Melaka dan tempat-tempat yang lain. Sudah pasti ini menunjukkan bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat sokongan yang padu dan kuat daripada rakyat seluruh negara ini dan membuktikan bahawa dengan kebijaksanaan beliau telah mengadakan CHOGM yang diadakan baru-baru ini sebagai salah satu daripada mesyuarat yang terbaik yang pernah diadakan dalam sejarah CHOGM. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terimakasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh semua pihak terhadap kemajuan-kemajuan yang telah kita capai.

Untuk memastikan bahawa segala keputusan yang diperolehi semasa CHOGM dilaksanakan dengan sepenuhnya dan dengan perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempergunakan satu badan yang tertentu bagi melaksanakan keputusan-keputusan ini, maka Kementerian Luar Negeri telahpun menubuhkan satu Urusetia Khas mengenai Komenwel di Kementerian yang diketuai oleh seorang pegawai pangkat Setiausaha Bahagian dan dibantu oleh beberapa pegawai yang lain. Ini termasuklah dalam usaha untuk kita memastikan bahawa segala keputusan termasuklah apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star tadi berkenaan dengan Langkawi Declaration, supaya kita mengikutinya perkara ini dan melaksanakan resolusi-resolusi yang tertentu bagi menarik perhatian dunia terhadap isu ini yang memang menjadi satu perkara yang hangat diperbincangkan di semua peringkat

sama ada di dalam negara yang sedang membangun ataupun negara-negara yang sudah membangun.

Dengan adanya deklarasi yang berkenaan merupakan satu komitmen daripada kumpulan negara-negara yang sudah membangun dan negara-negara yang sedang membangun juga negara-negara yang kecil terhadap perkara ini menarik perhatian dunia pada keseluruhannya dan ianya boleh dijadikan sebagai asas dan juga teras bagi mengatasi masalah alam sekitar di seluruh dunia pada masa yang akan datang. Kita tidak hanya tinggalkan ianya sebagai deklarasi, bahkan akan membawa perkara ini kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun United Nations, dengan izin, di masa yang tertentu kelak.

Saya juga ingin menyatakan iaitu Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaan-kedutaan kita akan terus menyebarkan dan memberi keterangan-keterangan mengenai isu berhubungan dengan pemeliharaan hutan tropika di negara-negara yang maju seperti di Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Australia. Maklumat-maklumat dan risalah-risalah yang berkaitan telahpun kita edarkan kepada kumpulan "environmentalists" ataupun "Green Peace" yang dimaksudkan sebentar tadi.

Melalui Kedutaan-kedutaan kita juga, tokoh-tokoh Kongres Amerika Syarikat dan pegawai-pegawai lain telah kita jemput untuk datang sendiri ke negara kita bagi melihat dengan kacamata sendiri dasar dan program-program yang diamalkan oleh Kerajaan kita. Kita tidak ada apa-apa yang hendak kita sorok dari segi program menyelenggara dan juga memulihkan hutan kita dan siapa juga yang ingin melihat, kita sentiasa mengalu-alukan kedatangan mereka dan saya berharap bahawa pihak-pihak "Green Peace" dan lain-lain, jika mereka ingin datang ke negara kita, kita sedia untuk memberikan penjelasan.

Dari segi kedudukan kita dengan negara-negara jiran yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, maka memanglah salah satu daripada dasar penting negara kita ialah hubungan kita

dengan negara-negara jiran terutama sekali dalam kawasan Asia Tenggara ataupun, dengan izin, South-East Asia dan juga kawasan-kawasan yang berhampiran dan kita memang sentiasa mengikuti perjalanan dan perkembangan yang berlaku di negara-negara tersebut.

Selain daripada Asean, kita memang menggalakkan supaya hubungan yang rapat wujud di antara negara-negara lain dalam Asia Tenggara termasuk Laos, bahkan pada masa ini pun ada seorang Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Perancangan Ekonomi dan Kewangan negara Laos berada di negara kita ini dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun telah pergi ke Laos. Begitu juga kepada Myanmar, memang hubungan dua hala sentiasa baik dan pertukaran lawatan pihak Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kanan sentiasa wujud. Begitu juga dengan Vietnam, memang pada masa ini kita menggalakkan supaya pihak sektor swasta mencari jalan melabur di negara yang berkenaan dan lawatan juga dibuat di peringkat Menteri dan peringkat pegawai-pegawai. Kita berharap bahawa masalah yang berlaku yang menyebabkan hubungan kita dengan Vietnam tidaklah seperti negara-negara yang lain ialah mengenai Kambojia dan juga mengenai pendatang-pendatang haram. Jika kedua-dua perkara ini dapat diselesaikan, saya percaya bahawa hubungan kita akan pulih dengan sebaik-baiknya seperti negara-negara yang lain.

Mengenai isu yang ditimbulkan terhadap India terutama sekali dengan jiran-jirannya, saya ingin menyatakan bahawa ini adalah masalah yang wujud di India hasil daripada dasar luar negerinya dan kita tidak ingin campurtangan dalam apa yang berlaku di negara tersebut, tetapi suka saya menyatakan bahawa apa yang berlaku di Sri Langka dan juga di Maldives adalah dengan persetujuan dan juga rundingan yang dibuat oleh India dengan negara-negara tersebut bahkan penghantaran anggota tentera ke Maldives pada satu ketika dahulu adalah diatas permintaan Presiden Maldives dan penghantaran tentera ke Sri Lanka adalah juga dengan perjanjian

di antara India dan Sri Lanka. Apa yang dilakukan oleh India adalah untuk membantu jiran mereka apabila diperlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu telah juga menimbulkan berkenaan dengan masalah kereta-kereta yang digunakan oleh kedutaan-kedutaan kita di luar negeri terutama sekali di Amerika Syarikat. Sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini adalah di dalam perhatian pihak Kementerian. Pada masa ini kita dapati bahawa sebanyak 25 kereta rasmi yang digunakan oleh kedutaan-kedutaan kita yang sudah melampaui usia lapan tahun, walaupun mengikut usia kereta yang ditentukan oleh pihak Perbendaharaan kereta yang melebihi lima tahun patut diganti. Tetapi oleh kerana kita ingin menjimatkan perbelanjaan, maka kita tidak menggantikan kereta-kereta yang berkenaan. Tetapi oleh kerana keadaan setengah-setengah kereta yang berkenaan adalah terlalu uzur seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, baru-baru ini kita telahpun berunding dengan pihak Perbendaharaan yang mana saya telah meminta peruntukan sebanyak \$2.081 juta daripada pihak Perbendaharaan untuk mengganti kereta-kereta kita. Kita berharap pihak Perbendaharaan akan dapat memberikan pertimbangan yang sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan mutu pegawai-pegawai PTD (Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik) sama ada di peringkat Kementerian Luar Negeri ataupun di tempat-tempat lain di luar negeri adalah sentiasa kita jaga dengan baik. Sebelum seseorang pegawai itu dihantar untuk berkhidmat di luar negeri maka kita mengkaji serba-serbinya dari segi kebolehan dan kelayakannya untuk bertugas di tempat-tempat yang berkenaan. Bahasa memang kita pentingkan ataupun kita tekankan, hanya mereka yang boleh berbahasa Inggeris dan jika boleh bahasa yang digunakan di negara-negara yang berkenaan dan diberi keutamaan untuk ditempatkan di luar-luar negeri. Apabila Jabatan Perkhidmatan Awam menghantar pegawai-pegawai untuk berkhidmat di Kementerian

Luar Negeri, maka kita akan kaji latar belakang pegawai-pegawai yang berkenaan terutama sekali dari segi kebolehan mereka berbahasa Inggeris dan bahasa-bahasa yang lain dan mereka ini kita berikan keutamaan dan ini termasuklah pihak Jurutrengkas dan lain-lainnya. Kita juga galakkan mereka untuk menghadiri kursus-kursus khas berkaitan dengan bahasa, terutama sekali bahasa Perancis, Jepun dan lain-lain mengikut keperluan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menimbulkan mengenai hubungan kita dengan Iran dan juga usaha supaya kita pertingkatkan hubungan perdagangan dengan negara itu dan mengambil bahagian dalam proses pemulihan semula Iran. Ingin saya nyatakan bahawa ini memang menjadi dasar Kerajaan dan pada awal tahun ini kita telah menandatangani satu Jawatankuasa Bersama (Joint Commission) dengan Iran bagi mengenalpasti isu-isu yang penting yang difikirkan boleh memberi manfaat kepada kedua-dua negara iaitu Malaysia dan juga Iran dan bagaimana kita dapat membantu satu sama lain bagi memperkukuh dan memperkuat ekonomi negara masing-masing. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat pada tiap-tiap tahun untuk menyemak kemajuan yang telah dicapai dari segi perhubungan di antara kedua-dua negara.

Di sini sukalah saya menyatakan bahawa jika ada apa-apa penjelasan yang perlu diberikan mengenai negara Iran di negara ini ataupun di tempat-tempat lain, saya percaya ini adalah menjadi tanggungjawab negara berkenaan kerana negara itu mempunyai kedutaannya di sini ataupun di tempat-tempat yang lain. Tetapi sebagai sebuah negara yang mana kita menganggotai bersama OIC (Organisation of Islamic Conference), maka kita akan memberikan kerjasama untuk membetulkan keadaan jika ianya didapati tidak memuaskan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, itulah di antara perkara-perkara yang ingin saya jelaskan di dalam ucapan ataupun semasa saya menggulung perbahasan ini. Cuma Ahli Yang Berhormat

dari Bukit Bintang sebentar tadi telah menimbulkan mengenai hubungan kita dengan, dengan izin, The People's Republic of China, hasil daripada menandatangani perjanjian dengan PKM yang telah diadakan pada 2hb Disember ini, maka suka saya menyatakan bahawa hubungan kita dengan negeri China memang kita kaji dari masa ke semasa, bahkan tidak berapa bulan yang sudah, kita telah melonggarkan syarat-syarat rakyat negara ini pergi ke negeri China dan ini kita akan kaji dari segi perkembangannya.

Setakat ini saya fikir tidak ada menjadi masalah untuk rakyat di negara ini melawat negeri China mengikut syarat-syarat yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri beberapa bulan yang sudah. Walau bagaimanapun, kita memang menggalakkan agar perhubungan yang baik wujud dengan negara yang berkenaan dan kita tahu bahawa negeri China merupakan sebuah negara yang besar yang berpotensi untuk kita meningkatkan ekonomi. Oleh itu, kita memang menggalakkan pertama sekali pihak usahawan ataupun ahli-ahli peniaga untuk melawat negara yang berkenaan dan kita menerima lawatan daripada pegawai-pegawai dan juga pihak swasta daripada negara tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah menyentuh mengenai bekalan terhadap usaha untuk kita menyebarkan maklumat-maklumat ataupun penerangan kepada kedutaan-kedutaan kita melalui suratkhbar-suratkhbar dan juga, dengan izin, PRESTEL. Kita mengucapkan terima kasih di atas perhatian Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan peruntukan ini jika perlu, kita tambah kerana memang kita tahu bahawa maklumat yang kita sampaikan kepada pegawai-pegawai dan pelajar-pelajar di luar negeri itu adalah penting untuk mereka mengetahui dengan lebih lanjut akan keadaan yang berlaku di negara kita kemaskini. Oleh itu, perkara ini memang diambil perhatian oleh Kementerian Luar Negeri dan jika kita dapati peruntukan tidak mencukupi kita akan merundingkannya dan minta peruntukan tambahan daripada Perbendaharaan.

Jadi, inilah, Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang saya ingin sentuh dan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa mengenai perbelanjaan Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang sejumlah \$140,342,200 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$140,342,200 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$25,703,000 yang disebutkan dalam Maksud P.27 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$25,703,000 untuk P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Maksud B.28, B.29, B.30, B.31 dan B.32 (Jadual)—

Maksud P.28, P.31 dan P.55 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.28 hingga B.32 dan Kepala Pembangunan P.28, P.31 dan P.55 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.44 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 152, Maksud Bekalan 31, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Butiran 010000-Pentadbiran Am.

Baru-baru ini, tindakan yang diambil oleh Badan Pencegah Rasuah ke atas segelintir kecil kakitangan Jabatan Kastam di Tambak Johor telah diberi publisiti yang agak luas oleh media massa dan telah mencemar sedikit sebanyak nama baik Jabatan Kastam.

Tuan Pengerusi, saya telah diminta oleh penternak-penternak dan penanam-penanam Semenanjung Malaysia yang mengeksport ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan ke Singapura bercakap di Parlimen dan memperbaiki sedikit imej Jabatan yang terjejas ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Kastam telah memberi layanan yang amat memuaskan selama 4,5 tahun kebelakangan ini kepada perniagaan eksport makanan segar dari Malaysia ke negara jiran kita. Cawangan Kastam di Johor Bahru membuka satu lorong khas untuk lori-lori makanan segar berlepas ke Singapura tiap-tiap pagi. Kakitangan bekerja kuat untuk mengendalikannya eksport yang bernilai berjuta-juta ringgit dengan licinnya. Kadangkala mereka terpaksa bekerja lebih masa tanpa gaji lebih masa. Pengeksport-engeksport yang berkenaan menyuruh saya menyuarakan penghargaan mereka setinggi-tingginya kepada Jabatan Kastam Eksais Dirajadan merakamkan hutang budi mereka kepada Ketua Pengarah serta kakitangannya yang betul-betul berkhidmat selaras dengan semangat Persyarikatan Malaysia. Mereka tidak menafikan bahawa mungkin terdapat sedikit penyelewengannya di Jabatan Kastam dari masa ke semasa tetapi mengikut pengetahuan dan pengalaman mereka, kakitangan Kastam pada amnya berkhidmat dengan baiknyanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya harap Ahli-ahli Yang

Berhormat akan ikut contoh yang baik sekali yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal yang berucap tadi secara "to the point" dengan masa selama 3 minit sahaja. Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.47 ptg.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya akan ikut cadangan Tuan Pengerusi.

Saya merujuk kepada mukasurat 144, Butiran 020300 iaitu Pengurusan Kewangan Hutang dan Pelaburan.

Saya hendak membangkitkan satu masalah sahaja iaitu baru-baru ini pihak Kementerian Kewangan di bawah "Finance Minister Incorporation" telah menjual sebanyak 71% saham Gula Padang Terap kepada sebuah syarikat yang mana jawapannya telah diberi kepada saya di dalam satu pertanyaan yang telah saya kemukakan kepada Dewan ini. Hanya yang ingin saya sebutkan di sini ialah untuk menyampaikan rasa bimbang dan keluh kesah rakyat miskin yang terlibat dengan perkerjaan di Syarikat Gula Padang Terap yang mana selama ini rakyat ini merasa terjamin dengan mengetahui bahawa syarikat ini adalah kepunyaan Kerajaan Persekutuan dan juga kepunyaan Kerajaan Negeri. Jadi, apabila terjualnya saham sebanyak 71% ini rakyat telan bertanya-tanya apatah lagi apabila diberitahu bahawa syarikat yang telah dijual saham kepadanya itu akan menjual balik saham ini dengan harga yang lebih tinggi. Tetapi alhamdulillah, di dalam jawapan Kementerian kepada saya di Dewan ini tidak berapa hari yang lalu, pihak Capital Issue Committee, dengan izin, Tuan Pengerusi, telah menahen penjualan balik saham ini dengan harga yang dua kali ganda yang dibelinya.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian di atas tindakan ini. Hanya saya minta pihak Kementerian supaya lain kali jikalau ada hendak dilakukan rancangan ataupun tindakan

seperti ini, soal penglibatan rakyat di sekeliling mestilah diambil tahu. Sekurangnya Wakil Rakyat di kawasan yang berkenaan diberitahu dahulu kerana misalannya di Gula Padang Terap, kebanyakan rakyat miskin yang telah memberi ataupun mengorbankan tanah-tanah mereka untuk diambil oleh Kerajaan 15 tahun yang lalu mengharap-harapkan bahawa Kerajaan akan terus menjadi patron ataupun pelindung mereka. Pada 15 tahun yang lalu, Tuan Pengerusi . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat . . .

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Minta penjelasan, boleh?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Boleh, tetapi jangan panjang sangat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin bertanya fasal Gula Padang Terap. Yang pertamanya, saham ini telah dijual kepada sebuah syarikat, lepas itu syarikat ini dalam jangka masa yang pendek telah memohon untuk menjualkannya pula kepada syarikat yang lain. Apakah Yang Berhormat tidak ingin bertanya kepada Menteri Kewangan bahawa perbuatan spekulasi yang dibuat ini adakah tidak menimbulkan sesuatu perkara yang ganjil yang mana berlaku kepada syarikat yang sebenarnya dipunyai oleh Kerajaan? Itulah yang saya bertanya, kerana mungkin Yang Berhormat hendak tanya kepada Menteri yang berkenaan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya telah bertanya dalam pertanyaan saya dahulu dan telah dijawab oleh Kementerian Kewangan, iaitu rancangan ini telah pun tidak dibenarkan oleh Capital Issue Committee (C.I.C) dan penjualan ini tidak jadi dilakukan . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau sekiranya niat, . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan Shahidan bin Kassim: Niat ini yang penting, Syarikat Gula Padang Terap cukup penting, ini sudah jadi percakapan mulut semua orang, rakyat . . .

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya benarkan, Tuan Pengerusi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia benarkan. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat, siapakah yang empunya syarikat ini, kalau sekiranya Yang Berhormat tahulah, dan niat syarikat ini untuk menjual dalam jangka masa yang pendek sudah menunjukkan bahawa ada timbul satu pakatan dengan pihak tertentu untuk mengaut keuntungan, kenapa berlaku dalam jangka masa yang pendek, kenapa Yang Berhormat tidak mahu tanya. Siapa yang punya syarikat ini, kita hendak tahu.

Yang kedua, kalau betul-betul syarikat ini ikhlas mengapa dia ingin menjual. Tidak diluluskan yang kedua, yang penting dalam jangka masa yang pendek ada niat untuk menjual dan membuat keuntungan, pasti ada pihak-pihak yang tertentu yang terlibat. Adakah Yang Berhormat ingin bertanya pada Yang Berhormat Menteri Kewangan, sebab saya mendapat macam-macam laporan, tetapi sebab kawasan Yang Berhormat, saya beri peluang Yang Berhormat bertanyalah.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya tidak ingin memanjangkan hendak bertanya tentang niat, kerana telah dijawab oleh Kementerian Kewangan dan rancangan ni telah pun tidak dijadikan dan saya pun puas hati dengan jawapan yang diberi oleh Kementerian.

Berbalik kepada soalan 15 ahun yang lalu, yang mana rakyat miskin telah berkorban tanah, iaitu tanah-tanah yang mereka usaha, malah tanah-tanah yang telah diberi geran telah diambil dengan senang, sewenang-wenangnya dan diambil dengan harga yang murah, dengan janji pihak Kerajaan agar mereka ini akan diberi

compensation, dengan izin, Tuan Pengerusi, pada satu hari iaitu dengan mereka diberi tanah-tanah baru, tetapi malangnya janji-janji ini belum hendak ditunaikan secara keseluruhannya. Tetapi rakyat miskin ini boleh hidup dengan ketidaksempurnanya janji ini dengan mengetahui bahawa Kerajaan adalah pelindung mereka, tetapi apabila dijual 71% ini tanpa mereka diberitahu, maka berlakulah sedikit kesangsian dan sedikit perasaan takut di kalangan rakyat miskin di sekeliling Syarikat Gula Padang Terap itu. Oleh itu saya memohon pihak Kerajaan, lain kali kalau hendak buat janganlah buat secara mendadak dan diambilkira pengorbanan-pengorbanan rakyat di dalam sejarah mana-mana syarikat yang sama dengan Syarikat 'Gula Padang Terap ini.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin bercadang kepada pihak Kementerian Kewangan sebagai compensation kepada rakyat miskin di sekeliling kawasan Gula Padang Terap itu supaya mengadakan ataupun supaya sedia memberi kelulusan kepada mana-mana Kementerian khususnya Kementerian Pertanian yang ingin mengadakan projek untuk rakyat miskin yang mana tidak mendapat pendapatan yang lumayan ataupun yang cukup untuk hidup sebagai rakyat yang duduk di dalam negara yang makmur ini, seperti projek-projek pembelaan lembu dan kambing yang menggunakan bahan-bahan dari perkilangan gula ini seperti "molasses" dan juga "cane-tops".

Saya diberitahu, Tuan Pengerusi, oleh Jabatan-jabatan lain bahawa untuk mendapat kelulusan peruntukan untuk tujuan ini adalah cukup sukar. Saya harap pihak Kementerian sebagai membalas ataupun sebagai compensatory action, Tuan Pengerusi, cuba meluluskan projek ini supaya dapatlah rakyat miskin yang mengorbankan tanah-tanah mereka dahulu terbelas seterusnya. Terima kasih.

4.56 p/g.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya hanya ada

dua perkara sahaja. Saya ingin menyentuh muka surat 143, Aktiviti 010700—Jawatankuasa Terbitan Modal.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, cerita spekulasi sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Arau tadi, bila hendak jual saham cepat dan hendak buat untung cepat, kebanyakannya tanggungjawab seperti ini duduk pada Jawatankuasa Terbitan Modal.

Pertama saya ingin tahu, Tuan Pengerusi, banyak perkara, tetapi cuma satu sahaja oleh kerana masa tidak mengizinkan. Saya difahamkan tidak ada lagi syarikat-syarikat yang akan diwujudkan sebagai syarikat awam. Baru-baru ini Kerajaan meluluskan pula satu syarikat yang dinamakan "World Resort", iaitu sebuah syarikat yang akan menguruskan Genting Highlands, kalau tidak silap saya dan sebanyak 54 juta saham harga \$1 sudahpun diuntukkan, difahamkan untuk tujuh syarikat.

Saya ingin mengetahui nama-nama syarikat-syarikat ini, siapakah mereka yang mendapat manfaat ini, sebab \$1 satu saham, manakala selepas ini difahamkan bonos \$70 juta, saya dengarlah, betul atau tidak betul, saya tidak tahu, Tuan Pengerusi. Sudah tentulah mereka ini akan menjadi instant millionnaires sekali lagi. Siapakah mereka ini dan apakah keistimewaan-keistimewaan mereka ini yang mendapat saham-saham ini dan adakah ia mempunyai kaitan dengan mana-mana parti politik.

Jawatankuasa Terbitan Modal ini yang begitu penting dalam mengendalikan saham-saham corporate ini dalam menentukan penglibatan bumiputera terutamanya. Oleh itu sukalah saya ingin menyatakan di sini, Tuan Pengerusi, Jawatankuasa Terbitan Modal haruslah berhati-hati dan tidak lagi seperti dahulu-dahulu yang kita dengar, sepertimana mereka menerbitkan ataupun meluluskan sesuatu pemindahan saham dan sebagainya, yang akhirnya dibolot oleh pihak-pihak tertentu. Saya boleh beri contoh, kalau hendak contoh, tetapi tentulah masanya

panjang sudah banyak isu-isu, perkara-perkara yang saya maksudkan ini telah pun diketahui oleh rakyat, dipercakapkan oleh orang ramai.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Aktiviti 010800, di mukasurat yang sama, Unit Pengawasan Syarikat Agensi Kerajaan, yang memerlukan peruntukan \$1,205,700. Unit ini sewajarnya perlu diperbesarkan. Kita sudah dengar banyak Syarikat Agensi Kerajaan menempuh masalah, kita lihat bagaimana berlaku pada Syarikat PERWAJA sebagai contoh, Langkawi Simen, malah Syarikat Gula Padang Terap dan sebagainya.

Sebenarnya pengawasan Syarikat Agensi Kerajaan ini begitu penting dan apakah peranan Unit ini, berapa ramai pegawai-pegawainya, apakah limitation mereka? Apakah mereka mempunyai kuasa yang mencukupi untuk interfeere, untuk mengambil tahu dalam perjalanan Syarikat-syarikat Agensi Kerajaan bagi menjamin ianya tidak berlaku sebagaimana kita dengar sebelum ini. Oleh itu saya ingin mencadangkan kalau boleh Unit Pengawasan Syarikat ini diperbesarkan dan ditambah pegawai-pegawai yang lebih cekap dan Unit ini haruslah mempunyai hubungan yang rapat dengan badan Pencegah Rasuah supaya perjalanan syarikat-syarikat ini tidak lagi kita dengar timbul macam-macam masalah sebelum ini. Inipun saya tidak mahu hurai dengan lebih panjang, tinggal lagi dua perkara ini, saya harap mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak Kementerian Kewangan untuk dijawab dan juga untuk mendapat pandangan seterusnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau.

4.59 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, yang pertamanya saya ingin menyentuh . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Samalah mukasurat 143, Aktiviti 010700—Jawatankuasa Terbitan Modal. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Butiran Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Aktiviti 010700—Jawatankuasa Terbitan Modal, yang baru dicakapkan tadi.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, siapakah tuannya syarikat yang membeli Syarikat Gula Padang Terap dan mengapakah Jawatankuasa Terbitan Modal boleh meluluskan saham dengan begitu rendah sekali kerana syarikat yang berkenaan sanggup untuk memohon menjualkannya dengan harga dua kali ganda kepada syarikat yang sedia membeli. Maknanya, ada 3 kumpulan yang terlibat: yang pertama—Syarikat Gula Padang Terap; yang kedua—syarikat yang membeli; dan yang ketiga—syarikat yang ingin membeli daripada syarikat yang membeli daripada Syarikat Gula Padang Terap. Jadi, kalau syarikat yang sedia membeli dua kali ganda, maknanya mereka sudah mengetahui tentang harga yang sebenarnya Syarikat Gula Padang Terap, tetapi mengapakah Jawatankuasa Terbitan Modal tidak boleh memikirkan perkara ini, sekurang-kurangnya dapat ditinggikan sampai ke tahap yang tidak boleh dikatakan rugi kerana pada masa sekarang kita tahu perusahaan gula telah meningkat, contohnya, Gula Perlis. Jadi kebanyakan kita sekarang ini menjual syarikat-syarikat yang dipunyai oleh Kerajaan pada masa syarikat ini sedang meningkat ataupun sampai ke tahap menerima keuntungan. Jadi, saya merayu dan meminta kepada Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini diberi perhatian.

Yang keduanya, Butiran 010800 Unit Pengawasan Syarikat Agensi Kerajaan. Saya ingin merayu kepada Kerajaan dan Timbalan Menteri Kewangan berhubung dengan Bank Bumiputra. Bank ini kalau sekiranya fungsinya sudah berubah, saya

minta mungkin boleh ditukarkan nama, jadikan Bank Petronas ataupun nama-nama lain, kerana Bank ini sekarang ini sedang ghairah membankrapkan usahawan-usahawan bumiputera, boleh dikatakan tiap-tiap hari. Saya mendapat laporan bahawa orang yang memainkan peranan utama ini—kononnya untuk menjaga imej Bank—ialah Pengerusi Bank itu sendiri. Pengerusi Bank ini kerana berjaya membankrapkan orang, semalam Menteri Pengangkutan melantik pula menjadi Pengerusi, Perbadanan Lapangan-lapangan Terbang—baguslah, tetapi saya rasa kalau perkara ini berlarutan, maka susahlah kita hendak capai Dasar Ekonomi Baru, penyertaan bumiputera berniaga.

Saya minta—saya bukan hendak kritik atau hendak minta dia berhenti—saya ingin bertanya kenapa jadi demikian rupa? Kita juga mendapat maklumat bahawa banyak perkara-perkara yang dibincangkan dalam PPU pun inilah bank yang sering menentang usaha-usaha yang selalunya disokong oleh bank-bank lain. Saya ucapkan tahniah kepada semua bank-bank lain yang banyak membantu bumiputera, tetapi bank yang mempunyai nama nampak gayanya sudah berlainan sedikit. Ini saya merayu dan meminta supaya diberi perhatian kenapa jadi macam ini. Kalau saya hendak bercakap secara keras, saya akan minta supaya dia berhenti tetapi saya tidak mahulah potong rezeki orang seperti yang dibuat oleh ramai orang.

Yang keduanya, Gabenor Bank Negara. Gabenor Bank Negara ini bagus menjalankan kerja terutama sekali—Bank ini terkena curi wang. Saya hendak minta apa yang telah dibuat oleh Unit Penguatkuasa, Bahagian Penyertaan Bumiputera di Bank Negara. Pada masa yang lepas Unit ini amat berkesan sekali tetapi pada masa sekarang kita lihat Unit ini tidak menjalankan tugas dan dengan itu bank-bank swasta tidak hormat kepada Unit yang berkenaan. Dengan demikian, mana-mana bumiputera yang datang untuk membuat pinjaman dipandang rendah, seolah-olah bumiputera yang

datang ini, pinjam sahaja mesti rugi, pinjam sahaja mesti rugi.

Perkara ini saya rasa patut diberi perhatian dan kemungkinan besar Gabenor Bank Negara boleh mengubah sikapnya supaya menguatkuasakan Unit ini ke tahap yang boleh menjamin supaya bank-bank ini hormatlah sedikit, kalau tidak mahu pinjaman pun tidak mengapa, jangan beri syarahan sampai 2–3 jam, maki dan macam-macam, selepas itu pinjaman ditolak. Kalau tidak mahu beri, cakap tidak mahu beri, senang cerita, jangan beri malu orang! Jadi, semua ini adalah penting dan Bank Negara harus menguatkuasakan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, di bawah Maksud B.31 dan juga B.32.

Saya sama seperti Yang Berhormat dari Nibong Tebal tadi, ingin memuji kepada perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Kastam dan juga Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya hendak sentuh di sini, Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang agak aneh berlaku dalam Jabatan Kerajaan. Jabatan-jabatan yang mengutip wang dan merupakan hasil kepada Kerajaan, tanggagajinya rendah daripada Jabatan-jabatan lain. Maaf cakaplah, saya bekas pegawai PTD, gaji saya lebih tinggi daripada kawan saya yang menjadi Penolong Penguasa Kastam ataupun Penguasa Kastam.

Demikian juga Jabatan Hasil Dalam Negeri, kumpulan gaji mereka rendah daripada pegawai PTD tetapi inilah kumpulan pegawai-pegawai yang mengutip hasil yang banyak kepada Kerajaan. Jadi, pegawai-pegawai PTD yang membuat polisi ini tolonglah fikir sedikit, tentukan, kalau tidak boleh pun kita beri gaji yang tinggi, benarkan yang mereka ini boleh membuat sesuatu tuntutan kerana mereka ini menjadi bahan tumpuan kepada orang-ramai. Walaupun seorang mungkin terima, katakanlah dia terima wang sogok \$10, seolah-olah seluruh Jabatan Kastam itu makan rasuah. Demikian juga Jabatan Hasil Dalam Negeri, sebab tidak sempat kutip cukai daripada kedai kepala ikan, seolah-olah seluruh Jabatan Hasil Dalam Negeri

tidak menjalankan kerja. Inilah malangnya nasib orang yang mengutip wang tetapi tidak mendapat ganjaran yang sebenarnya.

Saya mencadangkan supaya sampailah masanya kita buat perbandingan dengan negara-negara yang lain di mana orang yang mengutip wang ini selalunya dia mesti diberi ganjaran yang lebih. Jadi, dia mengutip wang berjuta-juta ringgit, gajinya \$500, jadi peninglah kepalanya, mengutip wang yang banyak tetapi dia sendiri tidak mendapat ganjaran yang sebenarnya dan kadang-kadang terpaksa bekerja lebih kuat daripada orang lain dan di dalam masa yang sama menjadi tumpuan dan juga kata nista daripada orang ramai terutamanya parti Pembangkang kepada mereka seolah-olah seluruh organisasi itu terlibat.

Jadi, saya sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab, yang bersopan-santun, bukan akhbar *Utusan Malaysia* yang menyebut saya tidak bersopan-santun, ingin memuji kepada kedua-dua Jabatan ini dan juga Perbendaharaan secara keseluruhannya yang telah berjaya mengawal kewangan dan juga mengutip cukai dengan baik sekali. Jadi, saya ingin memuji kepada Kementerian ini kerana telah berjaya dalam mengawal kewangan tetapi saya minta supaya menyiasat tentang perkara-perkara yang telah saya sebutkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Seremban.

5.08 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit di bawah. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Mukasurat dahulu, Yang Berhormat.

Dr Chen Man Hin: Mukasurat 144, Maksud Bekalan B.28, Butiran 020000, Program/Aktiviti 020100.

Tuan Pengerusi, beberapa hari dahulu kita dengar dalam Dewan ini Timbalan Menteri ada mengatakan hutang luar negeri kita lebih rendah dan nisbah debt service ratio pun rendah, 13% atau 11%. Tetapi kalau kita periksa atau meneliti Laporan Ekonomi tahun 1990 kita boleh dapat tahu hutang domestik sudah naik. Sungguhpun hutang luar negeri sudah turun tetapi hutang domestik sudah naik berjuta-juta ringgit.

Ini boleh dikatakan seperti simpulan bahasa "Rob Peter to pay Paul". Wang yang biasa dapat dari luar negeri (hutang) sampai sekarang kita berhutang lebih kepada rakyat kita sendiri.

Laporan Ekonomi berkata "domestic debt" sudah naik. Ini menunjukkan apa yang dikatakan oleh Menteri dan Timbalan Menteri tidak berapa tepat (not very correct). Saya berharap Menteri berkenaan memberi satu gambaran (picture) yang lebih tepat. Saya pun rasa keliru apabila mendengar claim ataupun tuntutan daripada Timbalan Menteri itu, tetapi apa sebabnya? Kita tahu budget defisit yang sangat besar, perbelanjaan-perbelanjaan termasuk Perbelanjaan Operating, Perbelanjaan Pembangunan sampai kepada \$32 billion. Wang yang dikutip (revenue) \$24 billion, dia boleh kata defisit (deficit budget) adalah sampai \$8 billion. Kalau sampai di tahun akhir tahun 1990 dengan bertambah lagi "bil-bil tambahan", Supplementary Budget barangkali akan bertambah lagi \$1 billion, sebab itu "domestic debt" kita bertambah. Ini adalah satu gambaran yang tepat.

Tuan Pengerusi, saya mahu bercakap sedikit berkenaan akauntabiliti di negara kita. Tugas yang sangat penting yang patut dihormati ialah akauntabiliti. Saya harap Menteri Kewangan ada memberi tumpuan kepada perkara ini. Saya nampak satu contoh ialah Bank Bumiputera, di mana kita tahu dalam laporan daripada Bank, ia sudah hilang (loss) \$1.1 billion, oleh sebab beberapa akaun tidak membayar interest ataupun apa-apa. \$1.1 billion ini terlalu besar dan lebih daripada authorised capital ataupun capital Bank Bumiputera. Ini satu contoh yang tidak sihat yang kita mesti

kritik. Sungguhpun ada satu skandal yang besar yang dilakukan iaitu skandal di Hong Kong—BMF. Saya rasa hairan apa sebab Menteri Kewangan tidak melantik satu Suruhanjaya untuk menyasat apa yang dilakukan di dalam Bank Bumiputera. Apa sebab bank ini meminjamkan (loan) yang besar kepada sesuatu badan. Saya ada baca di dalam suratkhbar UMNO sudah dapat \$200 million—\$300 million untuk membina satu bangunan yang besar. Kalau lain-lain bank saya ingat dia tidak mahu memberi satu loan yang besar kepada sesuatu badan sebanyak \$100 atau \$200 juta, lebih baik beri separuh loan dan lain-lain boleh beri kepada bank lain yang bertanggungjawab. Inilah yang boleh dikatakan bank's potency, dengan izin. Tetapi Bank Bumiputera saya rasa ada kurang satu sikap iaitu "potency" atau "caution".

Kalau diadakan satu siasatan yang mendalam kita boleh tahu, selain daripada Bank Bumiputera siapakah yang ada pinjamkan wang yang terlalu besar. Ini perlu diberitahu kepada rakyat sebab wang ini bukan wang Barisan, bukan wang Bank Bumiputra, tetapi ini wang rakyat. Menteri Kewangan kutip wang melalui saluran seperti Cukai, Kastam dan lain-lain, tetapi wang di dalam bank mesti dijagai dengan baik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 2 minit lagi Yang Berhormat.

Dr Chen Man Hin: 2 minit lagi? Saya berharap Menteri berkenaan dapat bekerja dengan lebih baik dan diharap ada satu Suruhanjaya ditubuhkan untuk menyasatkan perkara lain.

Tuan Pengerusi, lagi satu point sahaja. Ini berkenaan dengan Bank Negara. Bank Negara sampai sekarang tidak menjaga dengan betul bank-bank dan institusi-institusi kewangan di negara kita. Saya dapat tahu daripada majalah-majalah kewangan di ASEAN ada diberitahu bahawa Bank Negara sendiri ada main "foreign exchange" tiap-tiap hari. Boleh dikatakan Bank Negara adalah satu "major player", dengan izin, dan saya tidak faham

mengapa Bank Negara bermain sangat banyak dalam "foreign exchange", untuk apa tujuannya? Adakah untuk menstabilkan wang ringgit atau untuk berjudi. Kita mahu tahu. Saya harap Menteri akan memberi satu jawapan yang lebih baik. Oleh sebab Bank Negara tidak boleh mengawal apa yang terjadi di dalam Bank Bumiputra dan lain-lain bank, saya harap Kementerian Kewangan boleh menubuhkan satu Bank Commission untuk menjaga aktiviti-aktiviti bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia

Sungguhpun kita ada satu Akta Bank, tetapi ini tidak cukup oleh sebab ada lain-lain faktor mesti dikawal iaitu faktor politik. Bank Bumiputra boleh dikatakan suatu bank politik untuk memberi political favours kepada orang-orang yang tertentu dan orang-orang yang di atas. Kalau ada satu Bank Commission ia akan boleh mencegah kejadian itu dan mengelakkan lagi lain-lain skandal. Kita tidak mahu lagi skandal Bank Bumiputra yang nombor tiga. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Labuan.

5.17 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 31—mukasurat 152, Butiran 020000—Kastam dan Butiran 040000—Pencegahan.

Saya ingin memberi tumpuan khusus kepada perjalanan Pejabat Kastam di Labuan.

Seperi mana yang kita sedia maklum, Labuan adalah merupakan sebuah pelabuhan bebas cukai di mana segala eksport dan import tidak terkawal atau tidak dikenakan cukai. Tetapi apa yang berlaku ketika ini ialah apabila satu pasukan penguatkuasaan di tempatkan di Labuan di mana mereka ini beroperasi atau berkeliaran di Pekan Labuan dan menangkap mereka yang ingin membawa

keluar barang-barang yang dibeli di Labuan, jadi, bagi pendapat saya ini adalah bertentangan dengan konsep bebas cukai yang diberikan kepada Labuan dan tidak lama lagi Labuan juga akan diberi status sebagai sebuah kawasan "tax haven".

Jadi, saya ingin minta satu penjelasan, mengapakah pihak penguatkuasa ini diletakkan di Labuan tetapi tidak diletakkan atau ditempatkan di tempat-tempat lain di mana, misalnya di pintu-pintu masuk jikalau kita mahu mencegah penyeludupan daripada Labuan dan ini membantutkan lagi keadaan ataupun pertumbuhan perdagangan di Labuan, kerana kita mengetahui walaupun Labuan mempunyai status Pelabuhan Bebas tetapi barangan yang ditawarkan di Labuan tidaklah begitu murah kalau dibandingkan dengan di tempat-tempat lain. Jadi, dengan adanya pihak Kastam ini akan merumitkan lagi pembentukan atau perkembangan Labuan dalam sektor perdagangan.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan juga ialah berkenaan dengan had \$500 barangan yang boleh dibenarkan dikesualikan daripada cukai, ini ditetapkan kerana saya sendiri pernah mengalami masalah ini kerana katanya \$500 ini bukanlah merupakan satu item atau satu barangan yang dibenarkan cuma dikatakan satu item yang berharga \$25 satu sahaja dibenarkan keluar. Jadi, kita minta kepada Kementerian ini untuk mengkaji semula. Saya ingin mencadangkan supaya had ini ditambah juga kepada \$1,000 misalnya apa jua bentuk barangan yang dibeli daripada Labuan tidak dikenakan cukai. Dan kemungkinan misalnya satu sistem yang sama seperti yang ada di Langkawi boleh dijalankan di Labuan di mana penempatan pihak penguatkuasa ini ditempatkan di pintu keluar misalnya, di airport atau di Lapanganterbang sahaja dan tidak lagi kemudian dikenakan pemeriksaan di pintu-pintu masuk di tempat lain.

Perkara ketiga yang saya ingin kemukakan di sini ialah berkenaan dengan peradaban pegawai-pegawai kastam yang ditempatkan di pintu-pintu

masuk terutamanya sekali di Lapanganterbang Subang. Tahun depan Malaysia akan menerima ramai para pelancong dan Subang adalah merupakan satu pintu masuk bagi para pelancong ini. Apa yang kita kesalkan dan saya sendiri pernah mengalaminya pada 25hb November ini di Lapanganterbang Subang apabila saya sampai melalui penerbangan daripada Labuan pada jam 6.45 petang, saya membawa satu beg pakaian sahaja dan lalu di Lorong Hijau atau Green Lane di lapanganterbang ini dan saya merasakan saya tidak ada barang-barang yang perlu dideclare untuk dicukai. Dan apabila saya keluar daripada pintu lapanganterbang ini, saya dipanggil balik oleh pegawai yang bertugas ketika itu dan cara perlakuan ataupun cara mereka memanggil ini adalah kurang bersopan sedikit dan tidak beradab, seolah-olah kita seperti seekor binatang. Walaupun demikian, saya terus juga kembali kepada pegawai yang berkenaan dan beliau bertanya daripada mana, saya katakan saya dari Labuan, dengan nada yang kurang sopan.

Kemudian dia minta pula passport, saya kata, "Saya dari Labuan, tidak perlu passport." Jadi, saya tunjukkan kad saya, saya cuma bawa ketika itu identity card ataupun kad pengenalan dan kad Ahli Parlimen. Dan dengan suara yang tidak sopan inilah, saya ingin menyarankan kepada perlakuan yang kurang bersopan oleh Pegawai-pegawai Kastam yang ditugaskan di pintu-pintu masuk ini terutamanya di lapanganterbang, saya mencadangkan kepada Kementerian supaya mereka ini dipilih dan kalau mereka yang dipilih ini diberikan satu kursus courtesy, misalnya kursus-kursus yang diberikan kepada Pramugari atau Pramugara Penerbangan MAS kita supaya mereka ini boleh bersopan santun sedikit apabila melayan mereka yang melalui kastam ini. Dengan itu, sekian.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Boleh saya tahu berapa orang Ahli yang ingin berucap diatas tajuk ini?

Tiga orang sahaja. Saya terpaksa hadkan masa lagi, kalau boleh Yang Berhormat-Yang Berhormat bekerjasama dengan saya, hadkan ucapan selama lima minit. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.25 *ptg.*

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya ingin sentuh mengenai dengan Kementerian Kewangan. Saya ingin menyentuh Butiran 010000—Program 010800 iaitu Unit Penguasaan Syarikat Agensi Kerajaan.

Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Kewangan pada saat ini ialah mengenai dengan peranan agensi-agensi Kerajaan yang sedang beroperasi di seluruh negara. Yang terdapat sekarang ialah ada satu trend yang tidak begitu sehat iaitu agensi-agensi Kerajaan yang sudah ada misalnya agensi Kerajaan yang bercorak trading companies ataupun trading houses yang memegang agensi-agensi bagi principal-principal ataupun syarikat-syarikat multi-national daripada luar negeri yang menjualkan barangan mereka di dalam negara ini. Yang saya ingin tekankan di sini ialah oleh kerana mereka ini adalah badan agensi Kerajaan yang besar, mereka bersaing dengan syarikat-syarikat trading house milik bumiputera yang kecil-kecil di seluruh negara.

Dan oleh kerana persaingan yang telah diberi oleh agensi Kerajaan yang besar ini sehingga syarikat bumiputera yang kecil yang mempunyai modal yang sedikit dan mempunyai manpower yang begitu terhad tidak dapat mengambil ataupun mendapatkan agensi representation daripada syarikat-syarikat daripada luar. Yang saya ingin menyarankan di sini ialah supaya Kementerian mengawal keadaan ini supaya jangan syarikat-syarikat agensi Kerajaan bersaing dengan syarikat bumiputera yang kalau didapati mempunyai capability ataupun kebolehan untuk membuat operasi, saya rasa lebih baik di-biarkan kepada syarikat bumiputera yang kecil-kecil itu supaya mereka dapat juga berkembang daripada itu.

Yang keduanya mengenai dengan saranan seorang Ahli Yang Berhormat mengenai dengan Bank Bumiputra untuk diubah nama supaya jangan gunakan nama "Bumiputera". Saya rasa itu tepat, oleh kerana kalau kita menggunakan nama "Bumiputera", seolah-olah nama bumiputera itu rugi sahaja. Jadi, oleh kerana itu, saya rasa Bank Bumiputra harus diubah namanya dan mungkin Bank-bank PETRONAS ataupun bank lain. Jangan gunakan nama bumiputera, oleh kerana saya rasa dengan tidak menggunakan nama bumiputera dan sebutan bank itu dengan satu nama yang lain, saya rasa dapat memberi integrity kepada kaum bumiputera dan juga pedagang bumiputera di negara ini supaya jangan orang di luar negara di masyarakat antarabangsa memandang rendah terhadap kemampuan kaum bumiputera untuk menjalankan satu bank yang besar.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah mengenai dengan peranan Bank Negara dalam membuat Foreign Exchange Trading dengan reserve kita yang begitu besar. Dan saya memang bersetuju bahawa Bank Negara harus membuat Foreign Exchange Trading mengenai dengan reserve yang ada pada kita tetapi saya berharap supaya Foreign Exchange Trading ini, dengan izin, adalah untuk hedging sahaja bukan semata-mata untuk spekulasi. Oleh kerana kita tahu bahawa di pasaran foreign exchange mempunyai currency fluctuation yang begitu tidak menentu dari setiap second ataupun setiap minit. Dan oleh kerana itu kita perlu supaya Bank Negara mengambil langkah-langkah yang wajar supaya reserve yang ada pada kita dapat memberi keuntungan ataupun pulangan yang begitu maksima dengan kita membuat Foreign Exchange Trading atas dasar hedging bukan untuk spekulasi dan saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi iaitu bahawa Bank Negara tidak patut membuat trading ini, saya rasa kalau Foreign Exchange Trading itu dikhususkan kepada hedging bukan spekulasi saya rasa itu dapat kita terima. Oleh kerana saya tahu bahawa Bank Negara pun telah

mendapat pulangan yang begitu lumayan, yang begitu besar daripada Foreign Exchange Trading.

Itu sahaja yang saya ingin sarankan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rantau Panjang. Pendekkan, Yang Berhormat.

5.30 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mukasurat 152, Maksud Bekalan 31, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Mukasurat berapa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Muka surat 152, Maksud Bekalan 31, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Butiran 040000 Pencegahan, dengan peruntukan sebanyak \$35,836,600.

Tuan Pengerusi, saya melihat dalam Buku Program dan Prestasi bagi Butiran ini, tujuannya ialah untuk mencegah dan membanteraskan penyeludupan barang-barang duti, barang-barang larangan, dadah dan senjatapi. Sebagaimana maklum bahawa Ilmu Alam kedudukan di Rantau Panjang adalah satu-satunya kawasan tepi sempadan di antara Malaysia dengan Thailand. Maka saya tak dapat nafikan bahawa manakala ianya kedudukan di tepi sempadan, maka ianya juga satu kawasan yang menjadi pengkalan untuk menyeludup barang-barang datang daripada luar negeri, khususnya negara jiran Thailand ke negara kita Malaysia.

Maka saya melihat tujuan Butiran ini ialah mencegah dan membanteraskan penyeludupan dadah terutama sekali dan senjatapi. Maka dengan peruntukan ini saya dengan berasa amat sukacita supaya benar-benar pihak Kementerian ini mengarahkan kepada pihak-pihak bertanggungjawab yang bertugas di Rantau Panjang, terutama

sekali Pasukan Khas Narkotik dan Cawangan Pencegah supaya mereka benar-benar memainkan peranan, mudah-mudah penyeludupan ini sekurang-kurangnya dapat diredakan ataupun dihapuskan sama sekali supaya dadah dan senjatapi ini tidak dapat diseludup ke negara ini kerana keduanya mengancamkan keselamatan negara dan juga membahayakan fizikal dan fikiran manusia. Tetapi apa yang saya hendak minta kepada Kementerian ini melalui Jabatan ini supaya masalah benda-benda lain, terutama sekali benda-benda keperluan harian masyarakat di tepi sempadan, umpama beras, sayur-sayuran dan lain-lain lagi saya minta supaya pihak bertanggungjawab di sana dapat membuat kajian demi untuk kesejahteraan rakyat kita juga supaya benda-benda ini dapat dilonggarkan.

Sebagai contoh, apa yang saya pernah lihat, beras kadang-kadang kepada mereka yang beli di Pekan Rantau Panjang, manakala sampai di kawasan pemeriksaan Kastam, Imigresen dan LPN kadang-kadang hanya sekampit beras pun dirampas. Ini membawa kepada implikasi yang tidak baik, terutama sekali kepada pegawai-pegawai itu sendiri dan juga kepada Kerajaan yang boleh mereka menganggapkan bahawa Kerajaan kita ini tidak bertimbangrasa sehingga beras untuk makan pun dirampas. Oleh hal yang demikian, saya minta Kementerian ini melalui pegawai-pegawai di sana supaya dapat menilai dan mengkaji bahan-bahan yang mejadi keperluan kepada masyarakat setempat maka hendaklah diper-timbangkan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh muka surat 153, Maksud Pembangunan 31 di bawah Jabatan yang sama, Butiran 00100 Pejabat-pejabat Kastam, dengan peruntukan sebanyak \$59,454,000. Saya menyentuh masalah Pejabat Kastam di Rantau Panjang. Kalau saya tak lupa, tahun sudah saya telah juga membawa kes ini kepada Dewan ini supaya bangunan Kastam di Rantau Panjang itu dapat diubahsuai dengan secepat mungkin. Ura-ura peruntukan telahpun disediakan tetapi sehingga

sekarang saya tak dapat penentuan lagi sama ada bilakah akan dibuat ataupun berapakah peruntukannya. Dengan melalui Dewan yang mulia ini pada hari ini saya menyeru kepada Kementerian ini supaya Pejabat Kastam di Rantau Panjang dapat diubahsuai dengan satu pejabat yang indah sesuai dengan Rantau Panjang adalah di tepi sempadan dengan negara jiran, Thailand. Kalau kita melihat bangunan Kastam dan juga bangunan pegawai-pegawai di sebelah Thailand, amat lebih sesuai kalau kita bandingkan dengan bangunan pegawai-pegawai Kastam yang ada di Rantau Panjang.

Saya menyentuh masalah Rantau Panjang telahpun dijadikan satu kawasan Zon Bebas Cukai, tetapi sekarang pun belum dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Saya juga mengharapkan kepada Kementerian ini supaya peruntukan itu dapat dipercepatkan kerana masyarakat di Rantau Panjang telahpun lama berangan-angan akan melihat supaya pelaksanaan projek itu dapat disiapkan dengan segera. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang akhir, Yang Berhormat.

5.36 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas (Betong): Terima kasih, Tuan Pengerusi, yang akhirnya memberi peluang kepada saya untuk bercakap pada petang ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mukasurat 144, B.28, Butiran 030100 Pengurusan Kontrak dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan apakah alasan Kementerian atas keputusannya memberi kontrak secara rundingan untuk membekal ayam kepada Pejabat-pejabat Persekutuan dan sekolah-sekolah berasrama di negeri Sarawak untuk tahun 1990 kepada sebuah syarikat, kalau saya tidak silap nama dia, The Destimas Sdn Bhd. Tuan Pengerusi, biasanya pembekalan ayam ke sekolah-sekolah ditender mengikut cara biasa di negeri Sarawak di mana tidak

kurang dari 300 pembekal-pembekal bumiputera yang berlesen dan berdaftar dengan Pejabat Kewangan Persekutuan Sarawak mengambil bahagian. Ini secara langsung memberi peluang kepada pembekal-pembekal bumiputera di Sarawak dari Lundu ke Limbang, kebanyakan pembekal-pembekal kecil ini bergantung penuh kepada peluang membekal barang makanan ke sekolah di kawasan masing-masing.

Tuan Pengerusi, dengan keputusan Kementerian ini kebanyakan pembekal-pembekal dan penternak-penternak ayam bumiputera di negeri Sarawak merasakan kehidupan mereka terjejas kerana peluang mereka telah diberi oleh Kementerian Kewangan kepada sebuah syarikat sahaja. Ini dianggap tidak adil. Oleh itu, saya berharap demi kepentingan orang ramai bahawa Kementerian Kewangan memberi penjelasan dengan cukup mengenai perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal, Padang Terap, Pasir Mas, Arau, Seremban, Labuan, Bukit Mas, Rantau Panjang dan Yang Berhormat baru sebentar tadi memberikan ucapannya. Saya tidak dapat memberikan kesemua sekali jawapan-jawapan oleh kerana sebahagian daripada ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi merupakan teguran dan ada juga cadangan-cadangan. Oleh itu, Kementerian Kewangan akan mengkaji segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan tersebut dan mana yang boleh kita laksanakan, kita akan lakukan.

Yang pertama sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli

Yang Berhormat kerana telah memberikan pandangan yang baik kepada Jabatan Kastam, khususnya di Tambak Johor. Ingin saya menegaskan bahawa Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam khasnya akan berusaha memberikan khidmat yang lebih baik dan bersih. Dengan itu mana-mana pegawai dan kakitangan yang menyalahgunakan kuasa atau melakukan penyelewengan akan diambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menyentuh tentang Unit Pengawasan Syarikat dan Agensi Kerajaan. Memanglah unit ini iaitu Unit Pengawasan Syarikat dan Agensi Kerajaan diwujudkan khas untuk mengawasi prestasi syarikat-syarikat Kerajaan. Dalam setahun atau dua tahun kebelakangan ini, beberapa syarikat seperti PERWAJA di Terengganu telah diawasi oleh unit ini. Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, unit ini mempunyai 10 orang pegawai pada masa ini dan jika diperlukan kita akan kaji kedudukan unit ini untuk diperbesarkan ataupun sebaliknya di masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga Tuan Pengerusi, telah membangkitkan perolehan saham-saham Syarikat World Resort Berhad dan memohon nama-nama mereka yang telah mendapat peruntukan saham-saham ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, butir-butir pemegang saham secara terperinci mengenai pihak-pihak yang diagihkan saham-saham Syarikat World Resort Berhad akan didapati dengan menyemak dengan Pendaftar Syarikat. Ianya bukanlah satu maklumat yang sulit. Walau bagaimanapun, rujukan harus dibuat kepada Pendaftar Syarikat dahulu untuk mendapatkan maklumat ini dan ia memerlukan masa sebelum kita dapat menjawab dan memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat tentang soalan itu.

Bagi bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat mengenai perkara ini iaitu berkenaan dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam sektor korporat, sudahlah saya memaklumkan

pencapaian DEB bagi sektor korporat, CIC (Jawatankuasa Terbitan Modal) merujuk perkara tersebut kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), sebelum meluluskan sesuatu cadangan korporat. Dengan itu, pencapaian DEB memang diteliti bagi sektor korporat, bukan sahaja oleh CIC tetapi juga oleh pihak FIC dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, sebelum terbitan saham ditawarkan kepada orang Awam.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap menimbulkan masalah Syarikat Gula Padang Terap sekali lagi. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa jawapan telah kita berikan dalam Dewan yang mulia ini dan selain daripada itu Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah menjawab satu surat khas kepada Ketua Umno Bahagian Padang Terap iaitu Ahli Yang Berhormat itu sendiri dan menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan ini, sukalah dinyatakan sekali lagi bahawa penglibatan Kementerian Kewangan dalam hal-ehwal Syarikat Gula Padang Terap pada tahun 1971 adalah semata-mata untuk menyelamatkan syarikat berkenaan dalam masalah kewangan dan kerugian yang berterusan.

Keputusan Kementerian Kewangan untuk menjual saham dibuat selepas mengambil kira kedudukan kewangan Syarikat Gula Padang Terap yang semakin kukuh dan adalah dijangkakan masa hadapan syarikat adalah terjamin.

Berhubung dengan soal pampasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kepada petani-petani yang terlibat, Kementerian Kewangan tidak terlibat kerana ia berlaku sebelum kemasukan Kementerian Kewangan dalam hal-ehwal syarikat yang berkenaan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya tidak meminta pampasan, cuma saya minta compensatory action, dengan izin, iaitu jikalau ada

projek-projek yang hendak diminta oleh mana-mana agensi lain supaya Kementerian Kewangan memberikan keutamaan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani-petani.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara yang baru dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, perkara itu boleh ditimbang dari masa ke semasa iaitu soal memberi kerjasama kepada jabatan-jabatan lain untuk membantu petani-petani. Saya rasa perkara itu tidaklah menjadi masalah yang berat.

Sehubungan dengan itu, Ahli Yang Berhormat dari Arau juga ada bertanya berkenaan dengan nama-nama mereka yang terlibat dalam syarikat yang membeli saham daripada Syarikat Gula Padang Terap ini. Dalam jawapan Kementerian Kewangan kepada soalan Ahli Yang Berhormat daripada Padang Terap tempoh hari, perkara ini telah dijelaskan. Tuan Pengerusi. Jadi, saya tidak bercadang untuk menjelaskan sekali lagi. Saya harap boleh dirujuk kembali kepada jawapan kepada soalan yang berkenaan di Dewan Rakyat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga seterusnya membangkitkan masalah Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC). Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) ini adalah diberi peranan untuk menilai harga-harga saham bagi syarikat-syarikat awam yang akan ditawarkan, yang akan menerbitkan saham-saham tersebut kepada orang awam di Malaysia. Di dalam menentukan harga-harga saham tersebut, Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) mengambil kira prestasi syarikat di tahun-tahun kewangan yang lepas dan juga ramalan keuntungan bagi tahun-tahun hadapan. Di samping itu, lain-lain faktor yang diambil kira ialah keteguhan pengurusan syarikat yang boleh menjamin pencapaian syarikat-syarikat awam tersebut di tahun-tahun yang akan datang. Dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, maka barulah harga saham ditetapkan.

Mengenai harga yang tinggi yang sanggup dibeli untuk saham-saham tersebut selepas ditawarkan dibuat, itu adalah perkara yang biasa kerana unsur-unsur spekulasi yang tinggi mengikut keadaan ekonomi semasa dan juga dengan kedudukan suasana politik yang stabil pada sesuatu masa itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban sekali lagi telah membangkitkan masalah nisbah khidmat bayaran hutang negara dan menyatakan bahawa saya telah memberikan jawapan yang mengelirukan di Dewan ini.

Sebenarnya seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, konteks soalan pada hari itu haruslah difahami. Saya juga mengambil jawapan itu daripada sumber-sumber yang sama iaitu daripada rekod-rekod yang ada pada Kerajaan yang mana rekod-rekod yang berkenaan mengenai hutang negara dan sebagainya adalah rekod-rekod yang boleh didapati oleh sesiapa sahaja yang ingin merujuk kepada butiran-butiran yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, kekeliruan ini adalah timbul dari kekeliruan konsep nisbah khidmat bayaran hutang atau Debt Service Ratio (DSR) dan jumlah hutang. DSR adalah suatu petunjuk ekonomi yang membandingkan jumlah hutang luar negeri dengan jumlah eksport yang diperolehi oleh negara, kerana tidak secara langsung ia memberikan gambaran sama ada negara kita dapat membayar tanggungan luar negeri melalui pendapatan luar negeri.

Mengenai hutang Kerajaan, terutamanya hutang dalam negeri yang semakin meningkat, memanglah menjadi dasar Kerajaan mengutamakan sumber pembiayaan dalam negeri. Memandangkan keadaan mudah-tunai dalam sistem bank adalah tinggi, . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, Ahli dari Kepong bangun.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kerajaan dapat membuat pinjaman seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ekonomi. Yang pentingnya ialah segala pinjaman yang dibuat mestilah sanggup dibayar khidmatnya. Kementerian memastikan yang pinjaman-pinjaman ini dapat dibayar khidmatnya seperti yang digambarkan di dalam Perbelanjaan Mengurus.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Adakah Ahli Yang Berhormat hendak minta penjelasan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan debt servicing ratio yang dianggap kritikal di negara ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Seperti yang saya jawab pada beberapa hari yang lalu, kita jangkakan nisbah khidmat bayaran hutang kita ini akan menurun kepada 11.8% pada akhir tahun 1989. Itu jangkakan kitalah. Kemudian tentang pertanyaan Yang Berhormat, berapa nisbah khidmat bayaran hutang yang munasabah, ini saya tidak dapat jawab oleh kerana perkara itu tidak relevant dalam kita punya perbincangan pada masa sekarang ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Apa lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan lagi, Tuan Pengerusi. Itu memang relevant. Kerana kalau kita hendak banding nisbah . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa Yang Berhormat kata . . .

Dr Tan Seng Giaw: Saya . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada Yang Berhormat—Yang Berhormat tadi yang menyentuh perkara ini. Kalau dia tidak sentuh perkara ini dalam main debate itu, tidak boleh minta penjelasan sekarang.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak, mengenai kerja dia iaitu Yang Berhormat sendiri . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada siapa pun yang menyentuh perkara itu Yang Berhormat.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, memang benar Ahli Yang Berhormat dari Seremban tidak menyebutkan berkenaan dengan nisbah khidmat bayaran hutang, tetapi dia menyebut bahawa saya sudah memberi gambaran yang salah kepada Dewan ini kerana tidak menceritakan sebenarnya berkenaan dengan hutang negara. Saya sebut yang hari itu kita jawab bukan masalah hutang negara. Soalan hari itu ialah berkenaan dengan nisbah khidmat bayaran hutang negara. Itulah yang saya jawab.

Tuan Pengerusi, izinkan saya meneruskan jawapan. Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Mas menyentuh tentang agensi-agensi Kerajaan tidak patut bersaing dengan perniagaan individu, khasnya peniaga-peniaga bumiputera. Kerajaan memang sedar perkara ini, Tuan Pengerusi, bahawa persaingan antara agensi-agensi Kerajaan dengan peniaga-peniaga bumiputera patutlah tidak digalakkan. Dan sememangnya Kerajaan tidak menggalakkan persaingan seperti ini dan pada masa kini Kerajaan dengan rancangan-rancangan dan program-programnya yang tertentu mencuba mengelakkan persaingan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Kita akan mengawasi dan di mana yang perlu, keutamaan akan diberi kepada peniaga-peniaga bumiputera berbanding dengan agensi-agensi Kerajaan yang bersaing di dalam sesuatu tawaran dan sebagainya.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat mengenai peranan Bank Negara

selaku mengawasi ataupun mematuhi kehendak-kehendak keperluan-keperluan memberikan pinjaman kepada bumiputera, suka saya menjelaskan bahawa perkara tersebut tidak pernah kita abaikan. Malahan sehingga hari ini keutamaan-keutamaan pinjaman kepada bumiputera ini, arahnya adalah masih tetap dan bank-bank yang tidak mematuhi arahan-arahan ini tetap akan diambil tindakan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan menyiasat dakwaan ini dan juga cadangan ini jika terdapat perkara-perkara yang boleh kita baiki. Begitu juga dengan masalah Bank Bumiputera yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau.

Masalah sepanjang yang saya ketahui bahawa bank tidak akan tergesa-gesa mengambil tindakan untuk membankrap ataupun memfiskan peminjam-peminjamnya. Langkah yang diambil itu adalah langkah yang terakhir setelah segala-gala usaha dibuat tidak berhasil, terutamanya jika peminjam-peminjam langsung tidak dapat menghubungi bank untuk merundingkan dan cuba mengelakkan daripada mencari jalan penyelesaian. Walau bagaimanapun, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, Kementerian juga akan menyiasat tentang dakwaan ini, dan kalau memang benar sengaja perkara ini dilakukan, tindakan akan kita ambil. Tetapi seperti yang saya sebut, sepanjang yang kita ketahui, bank-bank pernah memberi jawapan kepada, kita bahawa tindakan tersebut adalah tindakan yang terakhir sekali dibuat setelah segala usaha-usaha untuk menyelamatkan ataupun menyelesaikan pinjaman itu tidak dapat dibuat.

Dalam hubungan ini, kita boleh memberikan nasihat kepada peniaga-peniaga bumiputera supaya mereka ini lebih kerap berunding dengan bank-bank yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah mereka.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah perkara-perkara yang saya ingin berikan jawapan dan ulusan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat. Saya sedar ada beberapa perkara yang saya tidak dapat jawab seperti yang saya sebut tadi. Perkara-perkara ini kita akan ambil tindakan di mana-mana yang patut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$97,765,700 untuk Maksud B.28; \$216,195,050 untuk Maksud B.29; \$268,836,000 untuk Maksud B.30; \$148,395,000 untuk Maksud B.31 dan \$96,714,600 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$97,765,700 untuk Maksud B.28; \$216,195,050 untuk Maksud B.29; \$268,836,000 untuk Maksud B.30; \$148,395,000 untuk Maksud B.31 dan \$96,714,600 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$15,040 yang disebutkan dalam Maksud P.28; \$84,540,710 untuk Maksud P.31 dan \$400,000,000 untuk Maksud P.55 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$15,040 untuk Maksud P.28; \$84,540,710 untuk Maksud P.31 dan \$400,000,000 untuk Maksud P.55 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Maksud B.33 (Jadual)—

Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.33 dan Kepala

Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.57 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 020000 mengenai dengan Pelesenan...

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Mukasurat dulu, Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Mukasurat 157. Saya ingin bercakap mengenai Pelesenan.

Tuan Pengerusi, selepas isu kontroversi mengenai 200 permit teksi untuk Saujana Car Hire (Sdn.) Bhd, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam baru-baru ini mengumumkan tentang pengeluaran 830 permit teksi baru kepada 15 buah syarikat untuk beroperasi dalam Lembah Kelang.

Buat pertama kali saya telahpun membangkitkan isu teksi Saujana dalam Dewan yang mulia ini pada 17hb Oktober, 1989 pada masa Soal Jawab dan membawa ke pengetahuan Kementerian berkenaan keadaan pemandu-pemandu teksi yang menyertai syarikat dan menghadapi syarat-syarat yang tidak adil.

Yang Berhormat Menteri cuba menerangkan alasan Kerajaan tentang pengeluaran 200 permit kepada Saujana tetapi sehingga hari ini saya masih tidak menerima penjelasan dan dasar Kerajaan untuk mengeluarkan permit teksi hanya kepada syarikat dan tidak kepada perseorangan dalam Lembah Kelang. Saya membantah sepenuhnya isu permit teksi kepada syarikat atau mana-mana pertubuhan yang tidak secara langsung terlibat dalam perniagaan teksi.

Saya juga menolak kenyataan yang dibuat berulang kali oleh Menteri bahawa hanya teksi-teksi yang dikendalikan oleh syarikat adalah berupaya memberikan perkhidmatan yang baik dan memuaskan.

Saya rasa bahawa Kerajaan tidak patut menggunakan contoh yang buruk yang ditunjukkan oleh segelintir pemandu teksi untuk membuat kesimpulan bahawa pemandu teksi perseorangan tidak boleh memberikan perkhidmatan yang baik.

Sebagaimana yang saya katakan sebelum ini dan saya ingin mengulangi di sini bahawa jika pemandu teksi perseorangan yang sangat memerlukan dan yang layak untuk mendapatkan permit teksi diberikan permit, ia akan memberi mereka satu perasaan bangsa memiliki permit sendiri. Ini akan membantu memperbaiki pendapatan mereka kerana mereka tidak perlu bimbang tentang pembayaran sewa harian mereka dan jika mereka mendapat lebih banyak pendapatan, ia akan menggalakkan mereka memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

Kerajaan patut menyedari bahawa pengeluaran permit kepada syarikat yang tidak terlibat secara langsung dalam perniagaan teksi, ia akan hanya memberi faedah kepada syarikat dan pengarah-pengarah mereka lebih dari pemandu teksi kerana pemandu teksi terpaksa membayar sewa harian kepada syarikat itu.

Saya difahamkan bahawa pada asalnya Saujana Car Hire Sdn Bhd. ingin memohon dua ribu permit teksi baru menerusi berbagai anak-anak syarikat yang ditubuhkan untuk memohon permit itu, jika tidak diberi publisiti meluas mengenai syarikat-syarikat sejak pengeluaran permit dibongkarkan baik di dalam dan di luar Parlimen. Ini menjelaskan mengapa Pengurus Operasi Saujana Car Hire berkata sombong kepada seorang Pemberita Utusan Malaysia bahawa syarikat boleh mendapat dua ribu permit itu jika ia menghendaki walaupun pengurus yang berkenaan menafikan bahawa beliau ada berkata demikian, akan tetapi Pemberita Utusan Malaysia berkata bahawa beliau hanya melaporkan apa yang diberitahu kepadanya.

Jadi persoalan yang penting ialah siapakah orang di belakang Saujana? Siapa "godfather", dengan izin, dan siapakah "godmother", dengan izin. Jika pemberian dua

ratus permit teksi kepada Saujana ialah permohonan yang diuruskan dengan terus-menerus dan tidak menimbulkan apa-apa syak, mengapa perlu melibatkan nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri?

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mempunyai hak untuk menjadi marah jika dia tidak terlibat, tetapi beliau patut lebih marah di atas keseluruhan hal ini dan patut membuat sesuatu untuk membetulkan yang salah dan bukannya datang membantu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang didapati sukar menjawab soalan-soalan yang diarahkan oleh perwakilan UMNO di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Jadi kepada saya hal Saujana masih merupakan satu misteri dan pada hari ini suratkhbar New Straits Times ada melaporkan satu rencana yang ditulis seorang yang bernama Encik Ghani Ismail yang melaporkan ura-ura bahawa Saujana ialah nominee UMNO.

Berkaitan dengan pengeluaran 830 permit teksi baru kepada 15 syarikat baru-baru ini, saya mendapati bahawa salah satu syarat yang patut dipatuhi ialah bahawa teksi-teksi patut dicat merah dan putih. Saya berasa harian mengapa mesti warna merah dan putih itu dikehendaki. Yang sebenarnya warna itu ialah warna UMNO.

Pada 13hb November 1989 yang lalu, apabila Yang Berhormat Menteri menggulung ucapannya, Yang Berhormat Menteri secara terbuka memberitahu Dewan ini bahawa Kementerian tidak mengenakan syarat warna teksi itu dan pengusaha teksi boleh mencadangkan apa juga warna yang mereka kehendaki. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan bahawa ia mesti dibuat dalam warna merah dan putih dan dengan mengenakan syarat ini Yang Berhormat Menteri itu telah tersilap dalam perkara ini.

Akhirnya perkara permit teksi untuk Lembah Kelang, saya suka menggesa Kerajaan menimbangkan semula dan

menyemak dasar pengeluaran permit teksi hanya kepada syarikat-syarikat dalam Lembah Kelang. Dengan pengeluaran 30 permit teksi sehingga hari ini, saya menyeru Kerajaan bahawa baki 970 permit untuk Lembah Kelang dikeluarkan kepada permohonan ataupun yang dibuat oleh pemohon perseorangan yang menghendaki. Saya akan terus membantah pengeluaran permit teksi kepada syarikat-syarikat yang tidak secara langsung terlibat dalam perniagaan teksi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Itulah sahaja yang saya hendak cakap mengenai teksi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Boleh saya tahu berapa orang Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? (*Beberapa Ahli bangun*).

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Lima minit sahaja Yang Berhormat.

6.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk membincangkan B.33 mukasurat 157, Butiran 02000—Pelesenan.

Sungguhpun masalah ini telahpun begitu lama dibincangkan dan disuarakan dan penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam berhubung dengan perlesenan teksi khasnya kepada Saujana Car Hire Sdn. Bhd. yang menjadikan masalah ialah sama ada di Dewan ini dan juga di Perhimpunan Agung UMNO yang lalu.

Dalam masalah ini, sungguhpun penerangan-penerangan telah diberi, tetapi mereka yang tinggal di Kuala Lumpur dan

Lembah Kelang yang telah lama memohon selama sepuluh hingga lima belas tahun memohon lesen teksi, tetapi hingga ke hari ini tidak dapat. Berbagai-bagai alasan yang diberikan oleh Pengerusi Perlesenan apabila mereka ditemuduga untuk mendapatkan lesen ini. Akhirnya dengan sekonyong-konyong timbul dua ratus teksi dengan mudah sahaja didapati oleh satu syarikat Saujana Car Hire tadi.

Alangkah terkilan dan sedih hati mereka yang menunggu sebagai buah tidak jatuh. Jawapan Menteri selalunya mengatakan kalau tidak dapat, buat lagi permohonan. Oleh hal yang demikian, sungguhpun perkara ini telah terlajak, saya tidak boleh menyalahkan sesiapa dalam soal ini.

Saya hanya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya cubalah meneliti balik dalam soal pemberian teksi yang begitu banyak kepada syarikat-syarikat yang berkenaan, kerana kita menghendaki di Kuala Lumpur ini, kalau dibandingkan bukan dari segi negeri-negeri yang lain, mereka boleh mencari yang lain—masuk kawasan FELDA, FELCRA dan sebagainya, tetapi di Kuala Lumpur ini, itulah mata pencarian mereka untuk mendapatkan lesen bagi sesuap nasi pagi dan petang. Sedangkan tempat ini ditutup begitu sahaja untuk kepentingan syarikat yang besar.

Baru-baru ini ada diberi balik lebih kurang 830 yang disebut tadi kepada syarikat-syarikat, iaitu 50-50. Ini pun saya lihat ada dua tiga nama syarikat itu seakan-akan saya kenal. Syarikat-syarikat yang berkenaan yang mana itu juga adalah syarikat-syarikat yang senang-lenang. Habis, bagaimana hendak menolong mereka ini?

Mereka yang berkehendakkan begitu lama, adakah boleh pihak Menteri balik semula dibuka kepada mereka yang lama ini. Yang telah pergi, pergilah, tetapi yang lama ini diberi kepada orang-orang perseorangan yang mana saya dengar lebih kurang 7,000 atau 8,000 permohonan yang menunggu bertahun-tahun, sedangkan

mereka yang senang-lenang ini begitu senang dapat.

Soal ini amat mendukacitakan. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak dapat menjawab hanya sebagai soal CHOGM, itu ini dan sebagainya, soalnya, saya rasa susah hendak diberitahu kepada rakyat. Rakyat ini penting. Mereka ini pemandu teksi. Selepas itu naik tiga orang lagi, mereka akan bercerita lagi. Naik tiga orang lagi, mereka akan cerita lagi. Pada kesudahannya, apa akan jadi kepada Kementerian dan Kerajaan dengan berbagai-bagai tohmahan.

Ada yang mengatakan syarikat yang ada ini adalah orang-orang yang datangnya dari Kuala Pilah. Maaf saya kata. Tiga orang Cina yang berkenaan itu datangnya dari Kuala Pilah. Mereka mengatakan begitu kerana menganggap mereka ini adalah bersangkutan-paut dengan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Habis, kami sebagai ahli politik, bagaimana hendak menerangkan kepada mereka? Mereka kata, "kami sudah minta lama". Saya sudah letih menandatangani surat-surat untuk rekomen dan sebagainya, tetapi sehingga hari ini tidak dapat. Ini yang kami hendak tahu hari ini daripada Yang Berhormat Menteri apabila menjawab bagaimana keadaan sebenarnya supaya dapat diselesaikan masalah ini, kalau tidak, masalah ini tidak akan habis begitu sahaja. Ini akan diceritakan di mana-mana sahaja mengenai soal pemberian lesen-lesen teksi ini.

Oleh kerana masa tidak cukup—kalau boleh, saya minta lima minit lagi, boleh atau tidak.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Okaylah, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sungai Besi.

6.13 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 157, Aktiviti 020100—Lembaga Pelesenan juga tambahan kepada rakan saya dari Bukit Bintang. Memandangkan masa adalah terhad, saya ingin mengemukakan beberapa persoalan mengenai dasar pemberian lesen teksi di Lembah Kelang dan di seluruh negara.

Saya memang ingin menyuarakan perasaan para pemandu-pemandu teksi tanpa lesen di Kuala Lumpur, Shah Alam dan Petaling Jaya yang sudah memandu teksi sepuluh atau duapuluh tahun lebih dan yang selama ini menderita daripada kadar bayaran sewa yang tidak adil dan lain-lain masalah tanpa lesen. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai Saujana Car Hire Sdn. Bhd. mengapa kelima-lima pengarah syarikat ini dapat diberikan layanan khas untuk memperolehi 200 permit teksi. Kami sentiasa mendengar Yang Berhormat Menteri dan Kementerian menyatakan bahawa syarikat tersebut adalah mematuhi syarat-syarat tertentu, tetapi kami masih tidak mendapat tahu apakah cadangan yang baik yang dikemukakan oleh syarikat apabila permohonan dibuat.

Saya ingin menunjukkan di sini iaitu mengikut apa yang diumumkan, hanya 1.2% milikan saham akan diberikan kepada 200 pemandu teksi yang menyertai Syarikat Saujana. Bukankah ini tidak adil dengan saham yang amat kecil? Saya juga ingin menunjukkan kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat faham, selain daripada saham-saham yang amat tidak adil, apakah insentif-insentif yang lain akan diberi kepada pemandu-pemandu Syarikat Saujana dan lain-lain syarikat yang diberi lesen untuk operate. Ada satu misalan yang saya ingin menyatakan di sini iaitu pemandu-pemandu teksi di Singapura bagi tiga tahun yang lalu mereka telah dipilih

sebagai pemandu-pemandu teksi yang paling bersopan-santun (most courteous drivers) dalam dunia. Sebab-sebabnya ialah pemandu-pemandu teksi di Singapura memandu dengan cara "vehicle owning policy" atau dasar pemilikan teksi. Saya juga ingin menunjukkan di sini . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Daripada laporan yang saya terima, pemandu teksi di Singapura yang menyertai satu syarikat di Singapura, N.T.U.C., mereka menikmati tidak kurang daripada 27 jenis insentif. Ini memanglah mendorong kepada mengapa mereka berkhidmat dengan berkesan.

Satu soalan lagi ialah, dalam satu occasion saya telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri bahawa beliau sedar bahawa di Lembah Kelang daripada jumlah 7,000 lebih pemandu-pemandu teksi, 63% daripada mereka adalah pemandu teksi tanpa lesen. Bukankah ini bertentangan dengan dasar Kerajaan yang tidak menggalakkan perniagaan Ali-Baba? Dengan tambahan 2,000 teksi lagi, kalau bukan untuk individu, ini bermakna apabila 2,000 lesen teksi dikeluarkan kepada syarikat-syarikat, percentage Ali-Baba akan meningkat kepada lebih daripada 80% di Lembah Kelang?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Ini bukankah satu dasar yang bertentangan dengan dasar keadilan? Satu lagi soalan ialah, tadi saya ada membaca berita dari BERNAMA bahawa satu pengumuman yang dibuat oleh Menteri—setengah minit, Tuan Pengerusi—satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Kementeriannya akan menimbang untuk meluaskan polisi pemberian lesen teksi di Lembah Kelang ini ke seluruh negara. Saya ingin tahu adakah seriusnya pertimbangan Kementerian ini atas cadangan meluaskan dasar tersebut?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang akhir, Yang Berhormat dari Batu Berendam.

6.18 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Tuan Pengerusi, mukasurat 157, Aktiviti 020100—Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung.

Saya ingin menjelaskan bahawa saya tidak ada niat atau motif tertentu terhadap Yang Berhormat Menteri ataupun mana-mana pihak tetapi sebagai Ahli Parlimen adalah menjadi tanggungjawab kita Ahli-ahli Parlimen untuk mengetahui dan membuat teguran-teguran dan pandangan-pandangan terhadap perkara-perkara yang berbangkit.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan masalah Saujana Car Hire Sdn. Bhd ini, walaupun ramai rakan-rakan telah berucap dan membuat teguran-teguran, saya masih lagi memerlukan penjelasan yang sejelas-jelasnya daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu atas dasar dan asas apakah permit sebanyak 200 ini diberikan kepada Saujana Car Hire Sdn. Bhd.? Apakah ia merupakan dasar dan arahan Kabinet? Adakah Kabinet menentukan supaya Menteri ataupun Kementerian memberikan 200 permit sepertimana yang dilakukan kepada Syarikat Saujana ataupun memberikan kepada syarikat-syarikat di mana ianya dianggotai oleh pemandu-pemandu teksi?

Baru-baru ini Pengurus Besar Syarikat Saujana telahpun membuat pengumuman dan mengesahkan bahawa tiap-tiap pemandu teksi diberi saham sebanyak 30 saham yang berharga \$1 satu saham iaitu \$30 setiap orang. Kalau dijumlahkan, maka peratusnya ialah 1.2% daripada jumlah paid-up capital Syarikat Saujana itu sendiri. Juga saya ingin tahu apakah syarat-syarat tertentu yang dikenakan khususnya tentang penyertaan pemandu-pemandu dalam Syarikat Saujana ini? Adakah setakat 30 saham sahaja sepertimana yang diumumkan dan jika sekiranya ini berlaku, saya ingin

tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar ataupun tidak, kalau mengikut Akta Syarikat, perkara 15(1), maka Saujana Care Hire Sdn. Bhd. telahpun melanggar Akta Syarikat kerana mengikut peruntukan 15(1) Akta Syarikat bahawa Syarikat Sendirian Berhad tidak boleh mempunyai lebih daripada 50 pemegang saham sedangkan kita semua tahu kalau ada 200 orang yang telah membeli saham, sekurang-kurangnya 100 pemandu teksi Saujana telahpun membeli saham.

Kalau mengikut Akta Syarikat 15(1)(b) pula iaitu syarikat berhad ataupun public company yang boleh mempunyai lebih daripada 50 ahlinya atau pemegang sahamnya, maka saya rasa sepertimana yang telah dilaporkan oleh Komentor Hujung Minggu yang bertarikh pada 26hb November 1989 ialah satu kesalahan kerana syarikat ini belum lagi mengeluarkan prospektus tawaran saham kepada pemegang-pemegang saham ataupun mendaftarkan "statement in lieu of prospectus", dengan izin, dengan Pendaftar Syarikat. Jadi, Tuan Pengerusi, perkara-perkara macam ini saya rasa haruslah diberi penerangan.

Kemudian saya ingin juga tahu kalau sekiranya didapati ahli-ahli Lembaga Pelesenan ataupun pegawai-pegawai yang bertanggungjawab telah membuat laporan palsu ataupun penyelewengan atau membohongi Menteri yang berkenaan sehingga bukan sahaja ia memalukan Menteri yang berkenaan tetapi memalukan Kerajaan Barisan Nasional, apakah tindakan yang diambil terhadap pegawai-pegawai tersebut? Apakah cadangan Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan perkara ini kepada pihak BPR sepertimana yang dilakukan oleh Menteri Pendidikan apabila isu pembocoran kertas peperiksaan berlaku? Apakah tindakan....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Satu perkara lagi saya ingin sentuh oleh kerana masa tidak mengizinkan. Jika

sekiranya perkara jumlah 200 permit teksi yang telah diberikan, hanya 100 sahaja yang baru berjalan, saya ingin mencadangkan Kementerian menarik balik yang 100 itu dan berikannya kepada pemandu-pemandu teksi. Kalau Kerajaan kita betul-betul hendak membantu pemandu teksi, kita boleh sama-sama membantu menubuhkan syarikat, menunjuk ajar bagaimana pemandu-pemandu teksi boleh menubuhkan syarikat dan sebagainya. Kalau hendak seribu daya, kalau tidak hendak seribu dalihlah.

Jadi, Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini, ini berkenaan dengan syarikat "Ali Baba" sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi tadi. Saya bersetuju dan saya menyeru dan berharap iaitu Menteri yang berkenaan yang ada dalam Dewan ini mengambil tindakan serta-merta kepada semua tuannya syarikat yang meng"Ali Baba" kan kereta-kereta mereka itu (*Tepuk*) kerana kita tidak mahu tengok kalaulah ada nama di teksi itu seperti "Mohamed bin Ali" tetapi yang membawanya orang lain. Ini satu perkara yang saya rasa orang itu tidak patut diberi teksi. Kalau dia tidak mahu bawa teksi itu, jangan beri permit ataupun tarik balik dan saya akan memberi sokongan kepada tindakan yang akan dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Yang Berhormat Menteri memberi jawapan.

6.26 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara berkenaan dengan perlesenan.

Saya ingin menyatakan di sini iaitu saya ini peka kepada isu-isu semasa. Ingin saya menyatakan di sini iaitu pengeluaran permit

teksi kepada syarikat-syarikat adalah Dasar Kerajaan. Kerajaan membuat dasar sedemikian rupa . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Sepertimana yang diterangkan melalui suratkhbar dan juga sebentar tadi oleh Yang Berhormat, itu adalah Dasar Kerajaan. Soalan saya tadi ialah adakah Dasar Kerajaan ataupun dasar atau keputusan Kabinet memberikan 200 permit teksi kepada satu syarikat sepertimana yang berlaku di dalam Syarikat Saujana ini? Ini yang harus diberi penerangan.

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab soalan ini. Sepertimana saya katakan, ini adalah Dasar Kerajaan untuk mengeluarkan permit-permit teksi kepada syarikat-syarikat di kawasan Kuala Lumpur, Shah Alam dan Petaling Jaya. Di lain-lain tempat di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak masih lagi pemohon-pemohon individu diberi permit teksi.

Tuan Pengerusi, Dasar Kerajaan ini dibuat dengan syarat bahawa pemandu-pemandu teksi ini mendapat ekuiti atau diberi saham dengan syarat mereka membeli saham yang di dalam syarikat-syarikat ini. Dasar ini juga dibuat dengan tujuan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan teksi di dalam kawasan yang saya sebutkan tadi di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Penjelasan, terima kasih. Adakah Kementerian ataupun Kerajaan berpuas hati dengan jumlah saham yang dimiliki oleh pemandu-pemandu Saujana hari ini yang hanya berjumlah 1.2% daripada total paid-up capital, dengan izin, Tuan Pengerusi, ataupun adakah Kementerian mengenakan, kalau tidak 50%, bahawa sekurang-kurangnya 30% mesti dipunyai oleh pemandu syarikat itu sendiri?

Dato Napsiah binti Omar: Beri saya peluang, Yang Berhormat. Saya akan jelaskan. Sabar-sabarlah dahulu. Jadi, sebenarnya, Tuan Pengerusi, buat masa ini, sepertimana saya katakan tadi ini adalah Dasar Kerajaan untuk memberi permit-permit ini kepada syarikat-syarikat tetapi perlaksanaannya adalah terpulang kepada Kementerian. Oleh kerana itu mengikut satu kajian yang dibuat di sebuah negara jiran kita, terdapat syarikat yang akan mengendalikan teksi itu akan dikatakan "economically viable". Sekiranya ia mempunyai 300 permit teksi dengan syarat syarikat ini mengadakan "telephone service", "radio service" dan juga pemandu-pemandunya juga diberi ekuiti atau saham di dalam syarikat-syarikat ini. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang ada di sini, ingin saya menyatakan di sini iaitu Kementerian buat masa ini sedang membuat penyiasatan dan kajian dan 100 permit teksi yang dijalankan oleh Saujana Car Hire (Sdn.) Berhad ini yang telah dibenarkan untuk beroperasi tetapi yang lainnya itu sebanyak 100 lagi telahpun ditahan operasinya sementara Kementerian membuat kajian dan sekiranya didapati syarikat ini tidak mengikut syarat-syarat seperti memberi ekuiti yang memuaskan kepada pemandu-pemandunya, kita akan tarik balik permit-permit ini. Ini tidak menjadi masalah.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tunggu sekejap.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: No, point ini belum dijelaskan. Saya hendak minta penjelasan tentang point yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri ini, Tuan Pengerusi. Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi Kementerian sedang membuat kajian-sama ada Kementerian berpuas hati dengan pembahagian saham ini? Saya hendak tahu tadi sama ada Kementerian berpuas hati atau tidak dengan jumlah saham yang diberikan kepada pemandu-pemandu teksi

itu? Itu saya hendak tahu. Kalau tidak berpuas hati, saya hendak tahu apakah tindakannya? Adakah hendak tarik semua sekali ataupun bagaimana kerana kita tahu penerangan telah diberi oleh Pengurus Besar Syarikat. Terima kasih.

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tuan Pengerusi!

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, ingin saya menyatakan di sini iaitu oleh kerana Kementerian tidak berpuas hatilah maka kita adakan kajian ini, tetapi sabarlah dahulu. Bila kita sudah buat kajian dan kita dapati dia tidak mengikut, kita akan meminta . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Saya hendak tahu apakah syarat . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat berdiri, tunggu dahulu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta keizinan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta maaf. Saya minta izin daripada Yang Berhormat . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, Yang Berhormat Menteri beri jalan atau tidak?

Dato Napsiah binti Omar: Sila, nanti tidak puas hati pula.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya hendak tahu sekarang ini apakah syarat yang dikenakan oleh Kementerian kepada Saujana dari segi sahamnya? Berapa peratuskah Syarikat Saujana mesti memberikan saham kepada

pemandu-pemandu teksi itu? Saya hendak tahu itu dahulu.

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, saya difahamkan syarikat ini akan memberi ekuiti kepada pemandu-pemandu teksi ini tidak kurang daripada 30%, tetapi sekiranya mereka tidak memberi 30% sepertimana saya katakan tadi, Kementerian tidak akan teragak-agak untuk menarik balik permit-permit ini.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, nanti.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sabar sedikit. Yang Berhormat Menteri boleh sambung pada petang esok.

Dato Napsiah binti Omar: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.